

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 184 ● 30 SEPTEMBER - 6 OKTOBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

www.wilayahku.com.my

Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

Hijrah pemangkin ekonomi kendiri



GOLONGAN 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' merupakan antara kumpulan masyarakat yang terus berdepan cabaran untuk meneruskan kelangsungan hidup khususnya di Wilayah Persekutuan.

Mereka yang tergolong di bawah kategori miskin tegar ini hanya

memperolehi pendapatan di bawah RM1,196 memerlukan perhatian dan bimbingan daripada kerajaan untuk keluar daripada kepompong kefakiran.

Menerusi Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dipacu Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), angka miskin tegar di Kuala Lumpur dan Labuan seramai 2,018 akan dibantu dan dibimbing sekali gus memastikan mereka mampu berdikari dan berhijrah untuk keluar dari putaran ganas kemiskinan.

LAGI BERITA DI MUKA 2



Solat jenazah ghaib buat Sheikh Yusuf al-Qaradawi

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menyertai solat jenazah ghaib buat ulama tersohor, Allahyarham Sheikh Yusuf al-Qaradawi bersama Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud serta warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan PPj selepas solat Zohor pada Rabu lalu di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

Solat jenazah ghaib yang diimamkan oleh bekas Imam Besar Masjid Putra, Datuk Abd Manaf Mat itu diadakan sebagai tanda penghormatan kepada tokoh yang banyak berjasa kepada umat Islam seluruh dunia khusus dalam pembangunan pendidikan, kerohanian dan dakwah.

Selain itu, solat jenazah ghaib ini turut diadakan serentak di Surau Al-Ehsan, Menara Seri Wilayah dan disertai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Ulama tersohor kelahiran Mesir itu menghembuskan nafas terakhir pada usia 97 tahun telah meninggalkan legasi penulisan yang kini menjadi rujukan kepada umat Islam.

Terdahulu, atas jasa baktinya dalam dunia Islam, kerajaan Malaysia telah menganugerahkan Allahyarham Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa pada 2009. WK



Julang semula tradisi



Jambatan budaya Latin di Kuala Lumpur



Kos pengurusan penjara dan alternatif Islaminya



Dulu tukang cuci tandas, kini usahawan berjaya

>> 9, 10

>> 11

>> 18

>> 21

3,000 ekor ayam habis terjual di Karnival Putrajaya

MyGrocer@Wilayah bantu warga kota

SABRINA SABRE

PROGRAM Jualan Murah Keluarga Malaysia menerusi Trak MyGrocer@Wilayah yang berlangsung pada 24 dan 25 September lalu terus mendapat sambutan hangat daripada orang ramai dengan mencatatkan hasil jualan lebih RM33,000.

Menurut Ketua Operasi MyGrocer@Wilayah, Abu Zaki Abu, program di bawah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi termasuk Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu mula dipenuhi orang ramai seawal pukul 8 pagi.

"Alhamdulillah sambutan yang diterima amat memberangsangkan. Pada pukul 8 pagi orang ramai sudah mula beratur menanti pembukaan trak kerana tidak mahu melepaskan peluang mendapatkan ayam serendah RM5 termasuk beberapa barang lain yang dijual dengan harga lebih murah dari pasaran.



PROGRAM Jualan Murah Keluarga Malaysia menerusi Trak MyGrocer@Wilayah menawarkan pelbagai barang basah dan kering dengan harga rendah berbanding harga siling yang ditetapkan kerajaan.

"Pada hari pertama kita berjaya menghabiskan sebanyak 1,800 ekor ayam selain Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turut memberikan 200 ekor ayam percuma kepada pengunjung yang hadir sempena Happy Hour.

Selebihnya pula (1,200 ekor) berjaya dijual pada keesokan harinya selepas dua jam trak dibuka.

"Bukan itu sahaja, pengunjung turut berpeluang mendapatkan barang asas lain seperti beras, tepung, gula, sardin, telur, susu, san-

tan dan bawang yang dijual dengan harga diskon sebanyak lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga di pasar awam," katanya ketika ditemui Wilayahku pada Program Karnival Putrajaya 2022 baru-baru ini.

LAGI GAMBAR DAN BERITA DIMUKA 12 & 17

Sementara itu, Pengurus Pemasaran Jualan MyGrocer@ Wilayah, Nur Aiman Amirul Osema berkata Program Jualan Murah Keluarga Malaysia menfokuskan kepada kegunaan isi rumah dan rata-rata pengunjung menyambut baik program itu kerana dapat membantu meringankan beban kewangan mereka.

"Program ini bukan hanya menawarkan harga yang jauh lebih murah malah ia turut memudahkan pengguna kerana barang yang dijual seperti ikan dan ayam sudah siap diproses dan dipotong.

"Kalau sebelum ini, kita pernah

jual ayam yang sudah siap dibersihkan sebelum dibungkus untuk jualan dengan harga RM10. Kami turut meletakkannya di dalam peti sejuk bagi memastikan kesegaran ayam dan ikan.

"Saya rasa ia amat membantu pengguna menjimatkan masa untuk memasak selain dapat membeli barang dapur dan makanan asas harian yang segar dan berkualiti menerusi inisiatif ini," tambahnya yang turut menyeru warga Kuala Lumpur untuk berbelanja di Trak MyGrocer@Wilayah.

Dalam program tersebut, sebanyak lapan jenis barang disenaraikan dengan kadar subsidi yang diberikan seperti telur ayam (50 sen), tepung gandum satu kilogram (20 sen), gula satu kilogram (15 sen), sardin bukan premium 425 gram dengan kadar subsidi sebanyak 50 sen, beras bukan premium lima kilogram (RM1.50), susu pekat 500 gram (70 sen) dan santan kotak 200 mililiter (20 sen). **WK**

KWP optimis sifar miskin tegar dicapai hujung tahun ini

DARI MUKA DEPAN

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) optimis dapat mencapai sasaran sifar miskin tegar di Wilayah Persekutuan menjelang akhir tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata beberapa strategi untuk mencapai sasaran itu telah bermula Ogos lalu dengan menjalin kerjasama strategik bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui sumbangan kepada golongan sasar.

"Kita mengambil pendekatan memberikan sumbangan daripada JKM dan MAIWP supaya kedua-dua sumbangan ini akan mencukupkan syarat bagi membolehkan penerima keluar daripada kumpulan miskin tegar ke paras miskin."

"Melalui Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) di bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) ia boleh memastikan supaya golongan ini meneruskan kesinambungan supaya mereka tidak lagi turun daripada paras miskin tegar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-aluan dalam Majlis Penyerahan Peralatan Keusahawanan kepada 45



SHAHIDAN (dua dari kiri) menyampaikan peralatan kepada seorang peserta BMTKM fasa pertama di Kompleks Muhibah pada Ahad.

Peserta Program BMTKM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pusat Komuniti Muhibah pada Ahad yang dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Tegasnya, program ini memberikan peluang kepada golongan ini meneruskan usaha untuk tidak kembali menjadi miskin tegar sekali gus memperbaiki taraf kehidupan ke kategori miskin sehingga bebas daripada kemiskinan.

"Jumlah kategori miskin tegar di Wilayah Persekutuan tidak banyak, hanya di bawah 3,000 sahaja dan kategori miskin mempunyai lebih 4,000.

"Kita sasarkan supaya golongan ini bebas dari kemiskinan miskin tegar

menjelang awal tahun hadapan supaya mereka mampu berhijrah ke taraf hidup yang lebih baik.

Katanya, peserta ini bakal memperolehi perubahan yang besar kerana ia membolehkan mereka menyertai program ekonomi secara aktif dengan menjadi pemain kepada aktiviti ini.

Tambahnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan (PL) akan membantu EPU dan rakan strategik lain bagi menjayakan program ini termasuklah mempertimbangkan pemberian lesen perniagaan sekiranya mereka ini bermula di tempat-tempat yang memerlukan lesen supaya aktiviti ekonomi peringkat rendah dan sederhana berterusan. **WK**

Program BMTKM berdasarkan minat, kebolehan peserta - Thomas

PROGRAM Pembasiman Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) peringkat Wilayah Persekutuan dirangka bagi meningkatkan pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) berdasarkan minat dan kebolehan peserta dengan bimbingan dan latihan berterusan sehingga berjaya keluar dari garis miskin tegar.

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Sosio Ekonomi, Datuk Thomas @ Parang Abai berkata program ini dilaksanakan bersama rakan strategik, Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz (UACDS) Universiti Malaya (UM) yang berperanan membantu untuk membuat profiling latar belakang peserta.

"UM berperanan menyelidiki peserta yang terdiri dalam kategori miskin tegar di Kuala Lumpur dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pula akan membuat perkara sama di Labuan," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Menurut Thomas, senarai peserta diterima secara automatik daripada Kemiskinan Nasional (eKasih) yang disediakan ICU JPM kepada pasukan penyelidik UM dan UMS.

"Penyelidik UM akan melakukan saringan meliputi latar belakang sosioekonomi, pendapatan, pekerjaan dan jumlah tanggungan mereka serta minat dan kebolehan mereka dalam perniagaan.

"Seterusnya mereka ini akan diberi kursus sahsiah diri dan selepas itu mereka akan diberi pendedahan mengenai keusahawanan supaya peserta dapat didedahkan dengan penetapan minda usahawan, konsep perniagaan dan pemasaran digital supaya mereka dapat meluaskan perniagaan mereka sehingga berjaya keluar dari kemiskinan tegar menjelang hujung tahun ini," katanya.

Jelas Thomas, penyelidik UM dan UMS akan menyediakan bimbingan dan latihan



THOMAS

yang berterusan selama tiga tahun supaya mereka berjaya keluar dari kelompok miskin tegar menjelang tahun 2025.

"UM dan UMS juga akan membuat lawatan secara bulanan dan peserta turut dilatih untuk membuat tabungan dan rekod kewangan supaya mereka mampu menjadi usahawan yang terlatih," katanya.

Katanya, program ini mengikuti suasana ekonomi masing-masing seperti memasak, menggunting rambut dan perkhidmatan dobi. Malah kami turut menerima permohonan untuk membuka bengkel motosikal dan lain-lain.

"Di Labuan pula, kami berikan bantuan berbentuk aktiviti perikanan dan nelayan kerana ia sesuai dengan persekitaran kawasan itu," katanya.

Menurut Thomas, melalui data yang telah ditetapkan pada setakat 22 Ogos lalu, jumlah KIR miskin tegar di Kuala Lumpur sahaja mencatatan 1,686 orang manakala di Labuan 332 KIR.

"Keseluruhan adalah 2,018 orang dan Putrajaya sudah sifar kerana sebelum ini ada tujuh orang sahaja dan jumlah yang ada merupakan angka yang dikunci dan KIR ini akan dipilih untuk dilatih di bawah program BMTKM," katanya.

Katanya, untuk fasa pertama, EPU telah bersetuju untuk memberikan bantuan peralatan di empat lokality di Kuala Lumpur melibatkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi 57 orang, PPR Desa Rejang 34 orang, PPR Kampung Muhibbah 33 dan PPR Taman Mulia lapan orang sementara di Labuan, program itu dilaksanakan di Kampung Sungai Bedaun serta Kampung Patau-Patau 1 dan 2 melibatkan 47 KIR.

"Tambah Thomas, jika ibu atau bapa tidak berminat, maka anak mereka yang layak akan dipilih untuk mendapat peluang menyertai program ini dan secara automatik mereka dijadikan sebagai KIR. **WK**

Tebatan banjir

Shahidan sedia beri penjelasan terperinci

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim menegaskan bahawa beliau bersedia memberi penjelasan terperinci mengenai langkah tebatan banjir di ibu negara yang dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sambil menyifatkan tindakan pihak tertentu yang bercadang menyamannya berhubung perkara itu sebagai hak mereka untuk berbuat demikian.

Katanya langkah tebatan banjir kilat di ibu negara telah melalui prosedur audit dan beberapa langkah tebatan telah selesai manakala yang lain sedang dijalankan.

"Tapi kalau nak tanya secara bertulis atau ambil tindakan undang-undang maka kita kena jawab mengikut undang-undang, ini melibatkan audit, di mana Ketua Audit Negara akan menyoal dan

sebagainya.

"Kalau masih nak saman sebab nak publisiti, itu hak mereka, kalau nak penjelasan boleh datang jumpa saya esok atau malam ini," katanya kepada pemberita pada majlis penyerahan peralatan sempena Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media berhubung tindakan seorang peguam dan beberapa penduduk Kuala Lumpur yang ingin meneruskan saman bagi menggesa beliau dan DBKL memberikan maklumat terperinci mengenai langkah tebatan banjir di bandar itu berikut Laporan Ketua Audit Negara 2021 Siri 1.

Tambah Shahidan, kementeriannya bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan



PROGRAM tebatan banjir kilat di ibu negara telah melalui prosedur audit dan dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Saliran (JPS) untuk melakukan langkah kawalan terperinci di lebih 30 'hotspot' di sekitar bandar raya

ini bagi memastikan banjir kilat tidak berlaku terutama pada musim tengkujuh akan datang.

"KWP dan JPS sedang bersiap siaga dari pelbagai aspek bagi menghadapi kemungkinan situasi hujan luar biasa termasuk sistem saliran dan tadahan hujan selain persiapan pemindahan mangsa banjir," katanya.

Terdahulu, Shahidan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed menyerahkan peralatan keusahawanan seperti mesin pengisar dan gunting rambut kepada 45 peserta BMTKM membabitkan penduduk empat Projek Perumahan Rakyat di ibu negara.

BMTKM diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perdana Menteri bersama Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri yang bertujuan membasmikan kemiskinan tegar dan sedang dilaksanakan secara berperingkat sehingga akhir 2025. WK

Pelan digital bandar raya KL boleh didapati dalam talian

SEIRING dengan kemajuan teknologi masa kini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan perkhidmatan eMAP CPS (Sistem Perancangan Bandar) yang memberikan kemudahan untuk mendapatkan pelan digital maklumat perancangan Kuala Lumpur secara dalam talian dengan lebih cepat, mudah dan murah.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata antara pelan maklumat perancangan digital berdasarkan pemetaan geospatial ialah penggunaan tanah semasa mengikut kawasan parlimen, pelan warta, pelan lapisan kawalan perancangan serta pelan zon dan kedudukan tanah.

"Jika sebelum ini pengguna terpaksa hadir secara fizikal ke Jabatan Perancangan Bandaraya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mendapatkan pelan digital maklumat perancan-



MAHADI (dua kanan) mengimbas tapak tangan sebagai simbolik kepada pelancaran perkhidmatan eMAP CPS di Menara DBKL pada Isnin.

gan dalam bentuk hard copy, kini mereka mempunyai pilihan untuk mendapatkannya secara dalam talian.

"Inisiatif ini dapat mempercepat dan memudahkan urusan dari segi

permohonan, pembayaran dan muat turun pembelian pelan digital maklumat perancangan selain menjadikannya lebih telus dan cekap," katanya pada sidang media selepas pelancaran perkhidmatan itu pada

Isnin.

Menurutnya, eMAP menawarkan pelan digital maklumat perancangan Kuala Lumpur dalam format PDF dan Geospatial (GIS) dalam pelbagai saiz daripada A4 hingga A1 dan pembayaran boleh dibuat secara dalam talian.

"Maklumat perancangan digital Kuala Lumpur amat penting terutama kepada pelabur untuk mereka merancang strategi pelaburan dan juga boleh digunakan untuk tujuan saintifik dan perbincangan di peringkat masyarakat oleh pelbagai pihak lain," katanya.

Jelas Mahadi, langkah yang diambil itu selari dengan hasrat DBKL dalam memastikan bandar raya ini rendah karbon menjelang tahun 2030.

"Dengan kaedah baru ini, kita akan berjaya mengurangkan penggunaan kertas dan juga karbon selain ia dapat memudahkan urusan mendapatkan pelan tersebut tanpa perlu memandu ke DBKL.

"Selain itu bagi DBKL, ia dapat menjimatkan karbon dan kertas dan ia menepati matlamat rendah karbon 2030," katanya.

Dalam majlis berasingan, DBKL turut menandatangi memorandum persefahaman (MOU) dengan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu bagi membolehkan perkongsian dari pelbagai aspek termasuk pengurusan, perkhidmatan, pembangunan modal dan komuniti supaya menjadi PBT yang lebih berdaya saing dan cekap.

MoU tersebut ditandatangani Mahadi bagi mewakili DBKL dengan Datuk Bandar Kuala Terengganu, Rosli Latif yang mewakili Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Dalam ucapannya, Rosli menyifatkan pihaknya berminat untuk mempelajari kaedah yang digunakan DBKL dalam mendepani perubahan iklim dan langkah yang diambil DBKL dalam memperkuuhkan Matlamat Pembangunan mampan (SDGs). WK

MPP Batu, YWP bantu pesakit kanser otak

YAYASAN Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Batu tampil menghulurkan bantuan kepada Nur Arfa Mikayla Abdul Hani yang menderita penyakit kanser otak tahap 4 pada usia tiga tahun.

Menerusi Bantuan Khas Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), keluarga Nur Arfa Mikayla mendapat sumbangan bakul makanan dan wang tunai bagi membantu meringankan beban yang dihadapi.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) zon Batu, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim mengucapkan rasa syukur dan terima kasih kepada pihak YWP di atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan dalam membantu keluarga

kecil ini melalui sumbangan tersebut.

"Terima kasih YWP di atas jasa baik yang diberikan. Walaupun bantuan yang disalurkan ini tidak mencukupi tetapi sedikit sebanyak ia dapat membantu sedikit perbelanjaan kos perubatan atau keperluan lain.

"Sebenarnya saya agak sedih dan tidak boleh tidur memikirkan keadaan keluarga ini yang sedang menghadapi masalah kesempitan hidup selain berpeluang melihat sendiri keadaan adik Nur Arfa Mikayla yang terpaksa menanggung penderitaan penyakit ini di usia yang masih kecil malah saya juga diberitahu peluangnya untuk sembuh juga tipis."

"Perkara itu bukanlah suatu perkhabaran gembira, saya pasti keluarganya berasa sedih dan sedang

menghadapi situasi sukar yang mana perlu mencari wang tambahan bagi menanggung kos perubatan dan perjalanan ulang-alik ke hospital," katanya kepada Wilayahku ketika menyerahkan sumbangan kepada keluarga Nur Arfa Mikayla di rumahnya dekat Taman Dato Senu, Sentul, pada Selasa.

Dalam pada itu, ibu kepada Nur Arfa Mikayla, Nur Sakiela Mat Sukur, 27 mengucapkan terima kasih kepada YWP, MPP Parlimen Batu serta pelbagai pihak yang sudi membantu menghulurkan bantuan buat anaknya.

"Tiada kata yang dapat diungkapkan selain ucapan terima kasih di atas bantuan yang diberikan. Bantuan ini sememangnya membantu keluarga saya," katanya. WK



GULAM (kiri) dan wakil YWP (kanan) menyerahkan Bantuan Khas YWP kepada keluarga adik Nur Arfa Mikayla di rumahnya dekat Taman Dato Senu, Sentul pada Selasa.

Bukit Dinding: 25 peratus digazetkan kawasan hijau

SEBANYAK dua puluh lima peratus atau kira-kira 32 ekar daripada 129 ekar kluasan tanah di tapak cadangan pembangunan di R12 di Bandar Baru Wangsa Maju yang diperuntukkan untuk pembangunan bertingkat telah digazetkan sebagai kawasan hijau bagi melindungi daripada tanah runtuh, kata **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**.

Datuk Bandar Kuala Lumpur itu berkata ketetapan tersebut dibuat kerana kawasan itu mempunyai cerun yang curam dan ia adalah lebih tinggi berbanding pembangunan lain yang hanya dikenakan lima peratus sahaja dari kluasan cadangan pembangunan.

"Cerun di tapak itu dikenal pasti sebagai tahap 3 dan 4 dan setakat ini, tiada kerja boleh dilakukan kerana sesi komunikasi strategik dengan penduduk tempatan masih dijalankan," katanya ketika ditemui di Menara DBKL 1 di Jalan Raja Laut pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Sulaiman Mohamed dan Pengarah Jabatan Perancangan Bandara,



MAHADI (kiri) memberikan penerangan kepada media melalui pelan tapak pembangunan kawasan R12 Bandar Baru Wangsa Maju pada Isnin.

Datuk Zulkurnain Hassan.

Untuk rekod, Kelas 3 ialah cerun dengan cerun 25° - 35° (darjah) manakala Kelas 4 ialah cerun dengan cerun melebihi 35° .

Mahadi berkata bahawa projek itu terdiri daripada dua blok pangaspuri 26 tingkat, perumahan vila dan lot banglo.

Menurut beliau, kelulusan cadangan pembangunan kediaman kawasan R12 juga telah melalui

beberapa proses perundangan dan pentadbiran termasuk mematuhi kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) pada 2017 oleh Jabatan Alam Sekitar.

"Kawasan ini yang dari segi topografinya adalah cerun, ia juga telah mematuhi garis panduan pembangunan di kawasan bukit dan cerun Wilayah Persekutuan 2010 dimana penilaianya telah dibuat oleh Institut Kerja Raya (IKRAM)

pada 2014 lagi dan mereka telah mencadangkan kepada pemaju untuk memastikan penyediaan saliran dan kawasan tadahan air untuk melindungi struktur tanah," katanya.

Isu Bukit Dinding mendapat perhatian selepas sekumpulan penduduk Setiawangsa dan Wangsa Maju menentang projek itu.

Mereka menimbulkan kebimbangan bahawa pembangunan yang dirancang boleh menyebabkan tanah runtuh, terutamanya dengan hujan yang lebih tinggi dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Tapak yang dimiliki secara persendirian ini juga merupakan tempat mendaki yang popular dalam kalangan penduduk berhampiran serta warga kota.

DBKL dalam kenyataan maklum balas kepada penduduk pada 22 September lalu berkata tiada kerja akan dilakukan sehingga penglibatan di antara pemaju dan penduduk dimuktamadkan.

Tiada tarikh diberikan untuk perintah itu tetapi satu sesi telah diadakan setakat ini dengan lebih banyak lagi sedang dirancang. **W.K.**



MOHD Ajib (dua kanan) ketika merasmikan Program Lifesavers dan Karnival Hospital Pakar Al-Islam, di Masjid Kampung Baru, Sabtu lalu.

500 sertai bengkal asas CPR

DEEL ANJER

LEBIH 500 peserta menyertai program percuma teknik asas melakukan CPR dengan menggunakan mesin *Automated External Defibrillator* (AED) yang dirasmikan Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), **Datuk Mohd Ajib Ismail** bertempat di Masjid Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Program memberi pendedahan dan kesedaran kaedah asas pertolongan cemas

CPR (*Cardio-Pulmonary Resuscitation*) dengan kerjasama Hospital Pakar Al-Islam baru-baru ini.

Pengarah projek merangkap Pakar Dietetik Hospital Pakar Al-Islam, **Sarah Sabrina Md Sabidi** berkata program tersebut penting bagi memastikan orang ramai tahu cara pantas jika berdepan kes serangan jantung mengejut.

"Menurut kajian antarabangsa, kadar kebarangkalian mangsa jantung terhenti mengikut untuk diselamatkan akan

meningkat sekiranya CPR disegerakan. Jadi, masyarakat sepatutnya memiliki ilmu asas berkaitan ini.

"AED perlu ditempatkan di kawasan tumpuan awam seperti masjid, pusat beli-belah, lapangan terbang dan sebagainya bagi membantu kes kecemasan sebelum menanti ambulans tiba," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, mesin tersebut praktikal kerana ia mudah digunakan selain tidak memerlukan sumber elektrik. **W.K.**

CERTA KEDAI KOPI

Surau bergerak DBKL

PERNAHKAH anda, terutama mereka dari luar Kuala Lumpur, menghadapi masalah mencari surau atau masjid untuk solat ketika menghadiri program atau perayaan tertentu di ibu negara? Bagi yang tidak biasa, susah juga mencari tempat solat ini.

Oleh itu, untuk kemudahan orang ramai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil inisiatif mengubah suai satu unit pejabat bergeraknya sebagai surau bergerak yang selesa dan serba lengkap.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini merupakan satu usaha proaktif dan inovatif diambil oleh DBKL untuk memudahkan orang ramai menunaikan tanggungjawab kerana solat mesti ditunaikan walau di mana berada apabila masuk waktu.

DBKL menyedari ketika berlangsung program ad hoc seperti maraton atau sambutan Hari Kebangsaan dan lain-lain, kadangkala pengunjung terpaksa berpusing-pusing mencari masjid atau surau berhampiran untuk bersolat. Namun dengan adanya surau bergerak ini, masalah



tersebut dapat diatasi.

Memetik Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, pada pelancaran surau tersebut baru-baru ini, surau bergerak tersebut sangat bermanfaat kepada orang ramai yang menghadiri program ad hoc atau berada pada tempat tumpuan awam.

Menunaikan solat dalam surau bergerak ini memang selesa. Ini kerana surau seberat 10 tan itu dilengkapi penghawa dingin. Kemudahan berwuduk disediakan dengan kapasiti tangki air sebanyak 900 liter. Jumlah ini boleh menampung keperluan sehingga 600 jemaah.

Ruang solat dalam trak boleh memuat 10 jemaah lelaki dan wanita pada satu-satu masa. Di ruang solat luar lori pula, sehingga 20 jemaah lelaki boleh bersolat pada satu-satu masa.

Kerana ia surau bergerak, ia mudah digerakkan dari satu tempat ke tempat lain menurut keperluan. Misalnya ia boleh digerakkan ke kawasan tumpuan orang ramai seperti di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) yang ditutup kepada kenderaan pada setiap hari Ahad.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap orang ramai menggunakan kemudahan surau yang disediakan oleh DBKL ini dengan sebaik-baiknya. Surau ini adalah untuk kemudahan semua, oleh itu sama-sama menjaga dan menggunakanannya dengan cermat bagaiakan milik sendiri.

Jangan sumbat longkang

SEBAGAI usaha mengatasi banjir di Kuala Lumpur, kerja pembersihan longkang yang biasanya dilakukan sebulan sekali oleh Alam Flora akan ditambah kekerapannya kepada seminggu sekali, atau dua kali seminggu.

Melalui pendekatan ini, pembersihan lebih kerap bakal dijalankan khususnya di 25 kawasan yang dikenal pasti sebagai 'lokasi panas' berlakunya banjir di ibu negara.

Pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, langkah yang diumumkan oleh Datuk Bandar, Datuk Seri Mahadi Che Ngah ini begitu baik kerana longkang atau laluan air tersumbat adalah antara penyumbang kepada banjir di ibu negara.

Longkang atau aliran air tersumbat berpunca daripada kehadiran lumpur, pasir dan sampah sarap. Ini berlaku antaranya kerana kerja-kerja pembangunan di ibu kota serta sikap tidak bertanggungjawab pemaju membuang sisa binaan sesuka hati.

Selain itu, ia juga berlaku kerana perbuatan orang ramai yang tidak mempedulikan kebersihan sekitar dan membuang sampah merata-rata. Mereka tidak peduli perbuatan itu menyekat aliran air yang melimpah ke permukaan lantaran longkang tersumbat tidak mampu menampung air, terutama ketika hujan lebat.

Apabila ini berlaku, orang ramai menyalahkan kerajaan atau Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana kononnya membiarkan masalah banjir berlarutan sedangkan mereka sendiri adalah sebahagian punca banjir berlaku.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap para pemaju dan orang ramai menanamkan kesedaran sivik yang tinggi dengan mengelak membuang sampah mengikut rasa hati. Jangan sumbat longkang yang akibatnya nanti mendatangkan kesusahan kepada mereka sendiri.

Pihak DBKL sentiasa berusaha dari semasa ke semasa mencari jalan menghindarkan banjir di ibu kota dengan pelbagai langkah pencegahan. Bantulah DBKL melaksanakan tugas ini agar mencapai matlamat yang diharapkan demi kepentingan warga kota sendiri.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my

8,000 unit kediaman ditawarkan untuk bumiputera di Lembah Klang

AZLAN ZAMBRY

KIRA-KIRA 8,000 unit kediaman dan pejabat di Lembah Klang ditawarkan di Pameran BPEX Satu Rumah Satu Keluarga Bumiputera Malaysia.

Pengarah Urusan MMC Sdn Bhd, **Datuk Nor'ashikin Taib** berkata program pemilikan kediaman yang dikenali BPEX Satu Rumah Satu Keluarga Bumiputera itu dibuka menerusi Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dari Kementerian Kewangan.

"Program ini membawa pakej menarik terutama untuk golongan B40 dan M40, yang mana satu inisiatif Pembiayaan Perumahan iaitu I-biaya akan memudahkan mereka memiliki kediaman di sekitar Lembah Klang.

"Skim ini bertujuan untuk membantu golongan yang

tiada pendapatan tetap dan tiada slip gaji seperti pemandu teksi, petani dan peniaga kecil untuk memiliki rumah pertama mereka dengan harga bermula RM200,000 hingga RM400,000 seunit.

"Selain itu, Skim Rumah Pertamaku (SRP) oleh Cagamas juga akan membantu mereka memiliki rumah dengan kolaborasi bersama institusi kewangan iaitu Maybank, Bank Muamalat dan Bank Islam," katanya pada sidang media di Melawati Mall pada Selasa.

Menurut Nor'ashikin, pembiayaan bagi skim itu ialah 110 peratus dengan tiada bayaran pendahuluan.

Selain itu, tambahnya, pilihan lain yang turut ditawarkan

ialah Skim PR1MA Sewa Beli (RTO), yang mana mereka dari golongan berpendapatan rendah berminat untuk menyewa dahulu dan membelinya kemudian, sekali gus berpeluang memiliki harta tanah tersebut.

"Kaum bumiputera boleh merebut peluang ini selagi unit kediaman masih ada dan inisiatif ini masih dikekalkan. Siapa cepat dia dapat."

"Permohonan boleh dibuat menerusi Pameran Satu Rumah Satu Keluarga Bumiputera yang diadakan selama dua hari dari 1 hingga 2 Oktober ini di Dewan 3, Pusat Pameran Mid Valley," katanya.

Menurut beliau, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Dr Ismail Abd Muttalib akan

merasmikan pameran itu pada hari pertama, manakala Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dijadual merasmi penutup pada hari kedua pameran.

Katanya, tujuan pameran itu diadakan adalah untuk meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam bidang harta tanah sebanyak 30 hingga 60 peratus dan menggalakkan bumiputera khususnya orang Melayu menyahut aspirasi kerajaan.

"Mereka dapat membuat pelbagai pilihan harta tanah dan ada di antara pemaju yang menawarkan diskaun sehingga 15 peratus serta rebat diskaun yang tinggi bagi memudahkan pembeli."

"Promosi lain pada hari pameran ini berupaya subsidi percuma perjanjian jual beli, setem duti dan pelbagai lagi seperti kelengkapan kabinet

dapur, baucar perabot dan peralatan elektrik disediakan pemaju yang mengambil bahagian dalam pameran ini," katanya.

Menurut Nor'ashikin, sebanyak 55 pemaju bakal mempamerkan unit kediaman masing-masing, yang mana 25 daripadanya dari Kuala Lumpur dan 30 dari Selangor.

"Pameran itu mendapat perhatian dan sokongan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

"Anak muda yang baru dalam alam pekerjaan, penjawat awam, peniaga kecil dan juga golongan pelabur di kalangan bumiputera juga mesti datang supaya tidak terlepas peluang pelaburan harta tanah dalam jangka masa panjang adalah pelaburan yang memberi pulangan tinggi." **W.K**



NOR'ASHIKIN

KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

MAJLIS PERASMIAHAN



OLEH

YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

1 OKTOBER 2022 (SABTU) | 5.30 PETANG


PUSAT PAMERAN MID VALLEY



Anjuran:



Marvel Management Communication Sdn Bhd
Event, Exhibition, Training, Seminar & Media Consultant



Dua wajah Central Market



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

CENTRAL Market mencatatkan tanda kenangan yang tersendiri kepada warga Kuala Lumpur sejak awal abad ke-20 hingga kini. Ini adalah satu-satunya pasar basah tertua di Kuala Lumpur dan mungkin di negara ini yang dibina menggunakan simen dan reka bentuk dari Barat.

Ketika pasar basah ini mula dibina pada tahun 1888, Kuala Lumpur adalah pusat perlombongan utama di Selangor. Kegiatan ekonomi begitu rancak dan Central Market salah satu buktinya.

Dibina di tepi Sungai Kelang yang menjadi laluan perhubungan air mengunjur hingga ke laut. Ini membuktikan kedudukan Central Market pada zaman awal dipengaruhi oleh kepentingan sistem perhubungan air waktu itu.

Kedudukan di tepi sungai utama memudahkan peniaga untuk membawa barang terutama ikan dari kawasan petempatan nelayan di Kuala Selangor. Pasar basah ini didirikan oleh penjajah British untuk memenuhi keperluan warga perkampungan pelombong bijih di Kuala Lumpur.

Central Market adalah antara bangunan yang didirikan British di Kuala Lumpur. Selain pasar basah ini, British juga membina bangunan stesen kereta api, bangunan Sultan Abdul Samad, bangunan yang sekarang ini dijadikan Perpustakaan Kuala Lumpur. Tidak ketinggalan berderet-deret rumah kedai lama di sekitar kawasan pusat bandar Kuala Lumpur.

Walaupun pembinaan pasar basah ini bermula pada 1888 tetapi siap sepenuhnya pada tahun 1937. Pembinaan dibuat secara berperingkat pada 1889, 1895, 1920, 1921, 1933 dan siap sepenuhnya pada 1937.

Pada 1933 Central Market diperbesarkan seperti yang ada sekarang dengan belanja \$167,000. Bangunan yang ada sekarang ini adalah seperti tahun 1933 yang menyerlah seni bina art deco dari Perancis yang popular di Barat pada dekad 1930-an.

Selepas negara mencapai kemerdekaan dan Kuala Lumpur membangun dengan pesat, bangunan lama seperti Central



CENTRAL Market yang dahulunya merupakan pasar basah telah diubah suai menjadi sebuah pusat jualan barang kraf serta bercirikan seni pada tahun 1985.

Market terdedah pada sikap kebendaan dalam kalangan sesetengah pengguna. Misalnya Central Market berdepan tindakan untuk dirobohkan pada tahun 1970-an.

Sebenarnya kedudukan Central Market sebagai pasar basah menjadi semakin kritis apabila kawasan berhampiran tumbuh dengan bangunan baharu dan moden. Keadaan ini membuatkan pasar basah yang kotor dan hanyir berada di tengah-tengah arus kemodenan Kuala Lumpur.

Maka pada 1985 kerajaan mengambil langkah menutup Central Market sebagai pasar basah dan diubah suai menjadi sebuah pusat jualan barang kraf serta bercirikan seni. Sangat sesuai dengan reka bentuk bangunannya yang ada nilai seni.

Central Market pun berwajah baharu dan menerima kunjungan orang ramai pada 1986. Tidak ada lagi imej kusam dan buruk sebuah pasar basah yang sebelumnya. Central Market lantas menjadi pusat tumpuan pelancong dalam masa yang singkat.

Pada tahun 1984 saya mempunyai pengalaman peribadi melihat Central Market sebagai sebuah pasar basah yang paling sibuk. Ketika itu Jalan Hang Kasturi di tepi Central Market menjadi antara laluan bas mini. Sekiranya berlaku kesesakan, semua penumpang akan terdera dengan bau hanyir perut ikan dan ayam yang sukar hendak digambarkan.

Dayabumi dan Central Market pula memperlihatkan dua keadaan yang sangat kontras antara satu dengan lain. Dayabumi menjadi

ikon kemodenan di Kuala Lumpur. Elit korporat bernaungi di bangunan yang moden dan tertinggi di Kuala Lumpur waktu itu.

Sementara Central Market dengan imej kusam, buruk dan kotor. Pemisah hanya Sungai Kelang yang sudah mulai mengalir lesu disebabkan banyak pembangunan di bahagian hulunya. Bau hanyir Central Market pun menyeberang hingga ke Dayabumi.

Bagaimanapun selepas menjadi barang kraf, Central Market tidak sahaja popular dalam kalangan pelancong luar, malah warga Kuala Lumpur yang mengisi masa terluang sambil menonton persembahan kesenian tradisi. Hampir setiap malam ada persembahan kesenian tradisi di sebuah pentas kecil di tepi Sungai Kelang.

Generasi muda dekad 1980-an dan 1990-an tahu mengenai Central Market yang menjadi tempat persinggahan selepas pulang dari tempat kerja. Bagi yang masih bujang, situlah tempat untuk makan malam di restoran mamak di dalam dan sekitar Central Market.

Pada dekad 1980-an atau 1990-an juga tidak ada tempat lain yang membolehkan orang ramai bertemu dan melihat selebriti yang selalu dilihat dalam drama di televisyen atau filem. Hanya di Central Market, pelakon-pelakon yang tidak kisah dengan label jalanan akan berada di situ.

Jangan perkecilan seniman yang mudah ditemui di Central Market. Walaupun banyak dalam

“Generasi muda dekad 1980-an dan 1990-an tahu mengenai Central Market yang menjadi tempat persinggahan selepas pulang dari tempat kerja. Bagi yang masih bujang, situlah tempat untuk makan malam di restoran mamak di dalam dan sekitar Central Market.

kalangan seniman jalanan, tetapi seniman besar seperti Sasterawan Negara A Samad Said, sasterawan T Alias Taib, komposer dan penyanyi M Nasir juga sering mengisi rasa terluang di Central Market.

Selebihnya banyak juga penggiat teater menjadi Central Market sebagai tempat pertemuan dan mengadakan latihan. Begitu juga dalam kalangan kartunis – daripada yang baharu hingga veteran, semua ada di Central Market.

Bagaimanapun zaman telah banyak berubah. Pengaruh dan tumpuan anak-anak muda kini pada Central Market ikut berubah. Keadaan gemilang dulunya sudah tertinggal jauh dalam sejarah. Banyak dalam kalangan generasi 1980-an misalnya sudah tidak lagi menjadikan Central Market sebagai port bertemu kawan-kawan.

Hanya saya yang terus mengunjungi Central Market sejak hari pertama dirasmikan sebagai pusat barang seni dan kraf tahun 1986.

Berada di Central Market menjadikan waktu seperti tidak pernah bergerak dan saya berada pada dekad 1980-an. Suasana sosialnya sangat berbeza dan semua itu hanya terpancar dalam ingatan dan kenangan sekalipun keseorangan.

Oleh hal yang demikian, sangat sesualah pengajuran Pesta Otai Central Market yang bermula 14 Oktober hingga 16 Oktober ini. Dianjurkan oleh Persatuan Veteran RTM (PVRTM), Persatuan Sutradara Filem Malaysia (FDAM) dan Ongkoyz Pro Event.

Sepanjang tiga hari itu, selain jualan pakaian, buku dan barang-barang antik, Pesta Otai Central Market juga dimuatkan dengan acara yang mengembalikan kenangan generasi muda ketika tahun 1980-an.

Antaranya persembahan biola oleh pemuzik Zalee Redang. Dulunya pada dekad 1980-an, Zalee antara seniman jalanan yang sering melepak dan membuat persembahan jalanan di sekitar Central Market. Zalee akan membuat persembahannya setiap hari sepanjang Pesta Otai Central Market.

Selain Zalee, acara sampingan lain adalah deklamasi puisi oleh seniman jalanan yang pernah menjadi ‘warga’ tidak rasmi Central Market. Selain itu acara pertunjukan fesyen tahun 1970-an dan 1980-an. Hendak tahu fesyen zaman 1980-an dan 1990-an, sila hadir ke Central Market.

Tidak ketinggalan persembahan busking oleh seniman jalanan yang pernah menghiburkan pejalan kaki di sekitar Central Market. Untuk maklumat atau menempah ruang jualan boleh hubungi pengajur, Lutfi Ismail (011-6220 9700).



SECAWAN KOPI DI TANAH GAZA

Tanah anbia terluka
di atas langit durja
serang dalam duka
diulit awan lara

Tiada lagi nikmat kopi
hanya serangan bertubi-tubi
air mata berkaca lagi
berakhir dengan tragedi

Kain putih dan bendera
terhampar di bumi Gaza
syahidnya seperti hidup kembali
tumpah darah demi agama pertiwi

Antara siang dan malam
tiada siapa terlentang ditilam
tiada masa untuk menyulam
tubuh ditembak pekat hitam

Dunia menjadi aroma saksi
mana meja tempat untuk diskusi
hangat dalam pahit emosi
bukan cangkir halusinasi

“Jangan biarkan kopi ketiga menjadi edisi”

Gabriel Kimjuan
Taman Mutiara, Labuan.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Rithuan anak jati Labuan terajui PL

SELAMAT bertugas dengan iringan setinggi-tinggi tahniah kepada Rithuan Mohd Ismail, yang dilantik ke jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) yang baharu. Sebelum ini beliau ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) di perbadanan tersebut.

Pelantikan berkuat kuasa mulai esok (1 Oktober) 2022 untuk tempoh dua tahun sehingga 30 September 2024. Rithuan menggantikan Dr Fary Akmal Osman yang berkhidmat dari Julai 2019 hingga Oktober 2021.

Beliau menerima watikah pelantikan daripada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada satu majlis di Labuan baru-baru ini. Menurut Shahidan, pelantikan ini adalah selaras dengan Akta Perbadanan Labuan 2001.

Labuan yang terletak di bawah pentadbiran kerajaan Sabah sebelum diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 19 April 1984, merangkumi Pulau Labuan dan enam buah pulau kecil di sekitarnya.

Keluasannya ialah 92 kilometer persegi. Jumlah penduduk menurut bancian 2019 ialah 99,500 orang. Pada tahun 1990, ia diisytihar sebagai kawasan perdagangan bebas dan hub kewangan pesisir luar pantai.

Pantai Labuan memang cantik dan menarik sejauh mata memandang. Ini menjadikan menyelam atau diving aktiviti utama tarikan pelancong dalam dan luar negara untuk meninjau khazanah laut pulau tersebut. Aktiviti ini menjadi salah satu hasil pendapatan Labuan.

Rithuan mencatat sejarah sebagai anak Labuan pertama dilantik ke jawatan Ketua Pegawai Eksekutif sejak pulau itu diisytiharkan Wilayah Persekutuan. Ini merupakan penghargaan tinggi kepada seorang anak tempatan menerajui pusat kewangan pesisir luar pantai antarabangsa tersebut.

Sebagai anak tempatan, Adi percaya Rithuan lebih memahami dan mengenal pasti apa juga permasalahan dihadapi oleh warga Labuan, apatah lagi beliau sudah lama berkhidmat dalam Perbadanan Labuan.

Dengan pengalamannya sebagai 'orang dalam' pentadbiran perbadanan tersebut akan menjadi pemangkin untuknya memacu kejayaan dan pembangunan Labuan dengan lebih pesat, khususnya dalam era pasca pandemik COVID-19.



RITHUAN (kanan) menerima watikah pelantikan daripada Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini.

Beliau telah berkhidmat dengan perbadanan tersebut sejak 1994 ketika Perbadanan Labuan dikenali sebagai Lembaga Pembangunan Labuan, sebelum dinaik taraf kepada perbadanan pada tahun 2001.

Disokong dengan kelayakan akademik Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS), Adi optimis Rithuan mampu menjalankan tanggungjawab dengan berkesan dan inovatif.

Pengalaman dan latar belakang akademik beliau, bagi Adi, adalah kunci penting membantu Rithuan mengemudi pertumbuhan ekonomi Labuan serta mensejahtera dan meningkatkan taraf hidup warga pulau tersebut.

Labuan tidak terkecuali menerima kesan serius akibat COVID-19 yang menjelaskan sektor ekonomi yang melanda seluruh negara. Kerana itu Labuan perlu bangun daripada

kemalapan ekonomi. Ini antara cabaran dan tugas berat yang terletak di bahu Rithuan.

Tentunya warga Labuan berharap beliau akan memberi fokus kepada usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta memajukan sektor pelancongan yang menjadi salah satu sumber rezeki utama warga Labuan. COVID-19 menjelaskan sektor ini kerana pelancong dalam dan luar negara tidak dapat berkunjung ke Pulau Indah itu.

Namun dalam usaha membangun dan memajukan Labuan, Rithuan tidak harus dibiarkan bersendirian. Kemakmuran, kesejahteraan pulau tersebut serta penduduknya adalah tanggungjawab bersama.

Kerana itu Adi harap semua pihak, daripada pengurusan PL sehingga warga Labuan, mesti membantu sesuai bidang kemampuan masing-masing untuk memastikan semua yang dirancang mencapai kejayaan. Selamat maju jaya kepada Rithuan dan seluruh

SKETSA



“Sebagai anak tempatan, Adi percaya Rithuan lebih memahami dan mengenal pasti apa juga permasalahan dihadapi oleh warga Labuan, apatah lagi beliau sudah lama berkhidmat dalam Perbadanan Labuan.”

kepimpinan Perbadanan Labuan.

Adi—Ingin pergi Labuan

SUKMA: WIPERS CUBA LAGI RAIH JUARA

SUKAN Malaysia (SUKMA) Majlis Sukan Negara (MSN) edisi ke-20 yang bermula pada 16 September 2022 melabuhkan tirai pada 24 September dalam acara penutup penuh meriah di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Temasya ini menyaksikan atlet negeri-negeri bersaing dengan harmoni dan semangat kesukanan dalam kesemua 426 acara dipertandingkan. Kontinen Wilayah Persekutuan atau WiPers diwakili oleh 603 atlet, iaitu 351 lelaki dan 252 wanita.

Tahniah kepada kontinen negeri Johor yang menjadi juara keseluruhan dengan mengutip 172 pingat keseluruhannya, terdiri daripada 77 pingat emas, 52 perak dan 43 gangsa. Ini diikuti oleh Terengganu di tempat kedua dengan mengutip 64 emas, 49 perak dan 56 gangsa.

Tidak lupa Adi ucapan tahniah kepada kontinen Wilayah Persekutuan atau WiPers yang menduduki tempat ketiga dengan mengutip 55 emas, 68 perak dan 64 gangsa.

Sekalipun sasaran WiPers adalah untuk muncul juara keseluruhan dan persiapan rapi dibuat bagi mencapai sasaran tersebut, menduduki tempat ketiga keseluruhan sudah cukup baik. Mencapai kedudukan ini juga bukan mudah.

Semua kontinen mahu menjadi juara keseluruhan, tetapi hanya satu pasukan sahaja akan berada di puncak takhta. Memang menjadi adat pertandingan, ada kalah ada menang. Anggap sahaja kali ini nasib tidak menyebelahi WiPers. Yang penting semua telah berusaha bersungguh-sungguh, daripada pengurusan sehingga tahap kepada para atlet.

Jadikan prestasi kali ini sebagai cabaran dan pembakar semangat untuk mencuba dengan lebih gigih bagi menjadi juara pada SUKMA edisi ke-21 kelak. Kaji semula kelemahan dan kekurangan serta berusaha memperbaiki prestasi pada temasya akan datang.

Pada Adi, WiPers wajar memberi penghargaan kepada Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, yang menjadi tulang belakang penggerak bagi WiPers untuk muncul menjadi juara walaupun hasrat ini tidak menjadi kenyataan.

Beliau menunjukkan minat bersungguh-sungguh dalam aspek latihan dan persiapan atlet Wilayah Persekutuan bagi memastikan mereka cukup bersiap sedia apabila turun ke gelanggang.

Untuk tujuan itu beliau juga menawarkan insentif berupa ganjaran kewangan bagi pemenang pingat. Penyumbang pingat emas acara individu menerima ganjaran RM5,000 dan antara RM3,000 hingga RM4,000 bagi acara berpasukan.

Bagi pemenang pingat perak acara individu, sebanyak RM2,000 diberikan dan antara RM1,000 hingga RM1,500 bagi acara berpasukan. Bagi pemenang gangsa individu, RM1,000 diberikan sementara pemenang acara berpasukan menerima antara RM500 hingga RM700.

Adi percaya kontinen WiPers akan menyerlah pada SUKMA akan datang. Pencapaian kali ini akan menjadi pendorong memperbaiki diri agar bangkit semula. Yang penting sentiasa rajin berusaha dan komited meniti tangga kejayaan.

Adi—Usaha hingga jaya

Adi Feah



AJAIBNYA WANITA

Ajaibnya wanita sinar wajahnya memukau mata tutur lembutnya penghias bicara cantik bukan pengukur parasnya tapi adab dan intelektualnya

Ajaibnya wanita kala ujian datang menerpa gagah menepis ombak sengsara diserang duka berkali ganda tetap tersenyum menyusun aksara

Ajaibnya wanita kalam merakam kisah wanita membela nasib para muslimah hak wanita tidak disia-sia martabat tinggi dijulang sentiasa

Ajaibnya wanita menjadi pejuang serumpun bangsa harapan ummah di bumi barakah peneraju bakti negara tercinta jasa dikenang ke hujung nyawa

Suriati Munal
Kota Bharu, Kelantan

Jalin kerjasama Parlimen Lembah Pantai

YWP hulur bantuan kerusi roda

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan bantuan berupa kerusi roda kepada remaja orang kurang upaya (OKU) fizikal dan otak, Mohammad Bukhairi Zulkarnain, 13, baru-baru ini.

Sumbangan di bawah skim Bantuan Khas YWP tersebut merupakan kerjasama antara YWP dan Parlimen Lembah Pantai.

Menurut Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, **Datuk Ramlan Askolani**,

pihak beliau menerima permohonan daripada ibu Mohammad Bukhairi, Yusliza Mat Yusoff, 45, berkenaan bantuan bagi membeli kerusi roda khas untuk anaknya.

"Memandangkan remaja itu semakin membesar dan tidak kuat untuk berjalan, jadi pembelian



RAMLAN

tersebut dapat mengurangkan beban ibunya dalam menguruskan penjagaan harian anaknya.

"Jadi, untuk memenuhi, kita panjangkan kepada YWP untuk mendapatkan kerjasama dalam pembelian ini."

"Alhamdulillah, terima kasih kepada YWP atas kesudian menanggung kos kerusi roda khas bernilai RM600. Diharapkan kerjasama dengan YWP akan berterusan," ujar beliau yang juga merangkup Pegawai Tugas-Tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan.

Beliau percaya dengan kerusi roda yang dilengkapi tempat untuk membuang air besar dan kecil ini dapat memudahkan urusan Yusliza dalam menguruskan anak istimewanya.

Sementara itu, Yusliza ketika ditemui *Wilayahku* sebak apabila permohonan yang dinanti-nantikan



MOHAMMAD (tengah) menerima bantuan kerusi roda pada sesi penyerahan Bantuan Khas YWP di Pejabat UMNO Parlimen Lembah Pantai.

selama ini mendapat perhatian.

"Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Ia sangat membantu saya yang tidak larat dan kuat untuk mengangkat dia. Sejak

kematian suami, memang semua tanggungjawab saya ambil alih.

"Tumpuan saya buat masa ini lebih kepadanya. Saya pernah cuba untuk bekerja tetapi terhalang

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

kerana dia memerlukan perhatian sepanjang masa," ujar ibu tunggal tiga orang anak yang hanya meneruskan kehidupan berbekalkan duit simpanan arwah suami selain bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan. **WK**

Skim Mikro Kredit YWP bantu peniaga kecil mulakan perniagaan

DEEL ANJER

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) memperuntukkan pinjaman RM5,000 menerusi Skim Mikro Kredit untuk peniaga-peniaga kecil memulakan perniagaan mikro.

Skim ini membuktikan YWP terus komited membantu peniaga yang mahu kembali bangkit selepas pandemik COVID-19 yang membantunkan ekonomi negara.

Menurut Eksekutif bahagian Pembangunan Ekonomi Belia YWP, **Mohd Shahrizzat Sirun**, 38, Skim Mikro Kredit merupakan pinjaman tanpa faedah yang memberi pulangan semula kepada masyarakat.

"Ia adalah satu kaedah pinjaman yang diberikan kepada usahawan kecil seperti penjual nasi lemak, pisang goreng atau seumpamanya.

"Jadi, untuk peniaga kecil memulakan perniagaan, mereka boleh membuat pinjaman sebanyak



MOHD Shahrizzat (kiri) ketika menjalankan tugas di lapangan.

RM 5000 tanpa faedah atau bunga.

"Antara syaratnya mereka dari kawasan Wilayah Persekutuan yang baru hendak mula bermula. Jika boleh umur yang digalakkkan adalah 20 tahun ke atas," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Shahrizzat juga menjelaskan

pinjaman menerusi skim ini membolehkan peniaga membuat simpanan.

"Pinjaman RM5,000 itu boleh dibayar secara ansuran dan tidak ada faedah macam bank. RM5,000 yang diberikan, sebanyak itu juga mereka perlu bayar.

"Malah, kami turut membuat simpanan untuk mereka. Ini bermakna mereka tidaklah membayar balik genap sejumlah yang dipinjamkan, malah ada pulangan.

"Misalnya kiraan secara kasar, mereka membuat bayaran ansuran RM150 sebulan dalam tempoh lebih kurang dua tahun. Ada kaedahnya bagaimana mereka memperoleh simpanan daripada situ.

"Inilah antara usaha kami untuk terus menyokong peniaga-peniaga kecil. Jadi, bagi mereka yang mahu mula bermula, ada peluang untuk memohon skim ini," jelasnya.

Katanya lagi, pihak YWP juga turut prihatin terhadap hal berkaitan usahawan terutamanya peniaga kecil dan Usahawan Anak Muda Kota.

"Usahawan Muda Kota ini terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya Berjaya Times Square, KL City Walk dan sebagainya," tambahnya. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (*Wilayahku*)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: *yayasanwp*

KAMUSE anjur program dekati anak muda bandar

DIANA AMIR

SERAMAI 100 orang anak muda yang terdiri dari pelbagai bangsa di sekitar kawasan Seputeh menyertai Program Aspirasi Anak Muda Bangsa anjuran Kelab Anak Muda Seputeh (KAMUSE), baru-baru ini bertempat di Stesen Minyak BHP, Kuchai Lama, Kuala Lumpur.

Penyelaras dan Penasihat Program Aspirasi Anak Muda Bangsa, **Mohammad Iqbal Yusof** berkata ia bertujuan memberi pendedahan kepada jawatankuasa KAMUSE untuk menganjurkan program melibatkan masyarakat pel-

bagai bangsa atas semangat Keluarga Malaysia.

"Program hari ini juga sebagai penghargaan kepada anak-anak muda di sekitar Seputeh yang selalu memberi sokongan kepada kami dalam sebarang penganguran majlis dan sebagainya. Perancangan selepas ini, kami akan ke kawasan parlimen Seputeh pula namun tarikh belum ditupsukan lagi," ujar beliau.

Tambah beliau, program dengan kerjasama Pejabat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) cawangan Seputeh ini wajar diteruskan dan dipuji kerana ia merupakan usaha yang baik dalam mendekati anak muda

bandar.

"Ia penuh dengan pengisian menarik yang sesuai dengan anak muda. Dimulai dengan pengisian minyak secara percuma bagi motosikal bawah 150cc kemudian sesi penyerahan makanan tengah hari yang ditaja oleh Pejabat DBKL cawangan Seputeh.

"Kita juga turut memberi khidmat nasihat selain maklumat berkenaan bantuan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan kepada golongan muda," ujar beliau menjelaskan ia merupakan usaha KAMUSE dalam mendekatkan hubungan antara agensi kerajaan dengan anak muda



PESERTA bergambar sejurus selesai program yang diadakan di Stesen Minyak BHP, Kuchai Lama, Ahad lalu.

bandar.

Terdahulu, program yang diketuai oleh Azlisham Haris @ Ujud yang bermula pukul 1 tengah hari hingga 2.30 petang itu turut dibantu oleh 10 orang anak muda dalam kawasan

Seputeh.

Turut hadir, aktivis masyarakat Cina kawasan Seputeh, Lee Kah Hing yang meluangkan masa menyantuni anak-anak muda pada program tersebut. **WK**



Julang semula tradisi

FESTIVAL Permainan Malaysia@Kuala Lumpur (FPM@KL) merupakan acara tahunan di bawah kalendar pelancongan yang diadakan di peringkat negeri sebagai salah satu produk pelancongan budaya di Malaysia. Ia bertujuan untuk menyemarak dan mengapungkan kembali keunikan kesenian tradisi rakyat Malaysia melalui permainan tradisional di Kota Metropolitan selain mengangkat permainan Malaysia sebagai teras utama program.

Terbaharu, pengajuran kali ke-7 pada 23 hingga 25 September lalu di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur merupakan pengajuran pertama secara fizikal selepas terhenti pada tahun 2020 susulan pandemik COVID-19.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





Subur kembali hidup bermasyarakat



FOTO: AMIN FARU HASAN
HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

TERNYATA kemeriahannya tidak pernah berubah apabila menerima penyertaan seramai 1,368 peserta merangkumi 608 mewakili sektor korporat dan swasta serta 760 mewakili badan beruniform antaranya Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan banyak lagi.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), **Norazman Othman** menyifatkan festival tersebut mampu menyuburkan semula semangat hidup bermasyarakat dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

"Suatu ketika dahulu, aktiviti permainan tradisional merupakan aktiviti waktu senggang yang meriah seperti pesta keramaian. Penduduk kampung tanpa mengira usia akan turun beramai-ramai, sama ada untuk

meryertai pertandingan atau sebagai penyokong.

"Kaedah ini secara tidak langsung dapat mewujudkan interaksi sosial di mana hubungan sesama masyarakat boleh dieratkan," ujar beliau mewakili Menteri MOTAC, Datuk Seri Nancy Shukri pada perasmian FPM@KL 2022, Sabtu lalu.

Tambah beliau, pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut memberi kesan terhadap sektor pelancongan dan kebudayaan selain penggiat seni, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pemain industri seni budaya seluruh negara.

"Program sebegini membuka kembali peluang kepada mereka untuk terlibat mengaktifkan semula aktiviti budaya dan warisan seterusnya menjana pendapatan demi kelangsungan hidup," ujar beliau.

Pelbagai aktiviti dan pengisian menarik mewarnai festival tersebut antaranya 10 pertandingan permainan tradisional antara badan beruniform dan sektor korporat, pameran,



NORAZMAN

demonstrasi, persembahan serta aktiviti permainan lagenda rakyat seperti kelereng, kaki hantu, terompah gergasi dan lari dalam gumi berkembang.

Menariknya kali ini, turut diadakan Pertandingan Gasing Pangkah yang melibatkan penyertaan pasukan antarabangsa dari

Singapura; Kejohanan Tarik Tali Terbuka Malaysia dan dua acara larian iaitu Larian Keluarga Malaysia dan KL Cultural Fun and Ride.

Selain itu, beberapa pengisian lain turut memeriahkan festival ini antaranya aktiviti pocket bike, pasar basikal, bazar produk seni budaya dan bazaar selebriti yang melibatkan seramai 22 artis tempatan seperti Aida Aris, Cat Farish dan Zizan Nin.

FPM@KL 2022 anjuran bersama MOTAC dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) di bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKN WPKL) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). **W.K**



“ PROGRAM terbaik menaikkan permainan tradisional yang sekian lama diwarisi daripada nenek moyang kita dan dalam masa yang sama memperkenalkan permainan tradisional seperti sepak raga, tempurung kelapa kepada kanak-kanak zaman sekarang."

Abdullah Ismail
Peserta Memanah



ABDULLAH

“ SAYA sangat seronok dapat turut serta menyertai Keluarga Malaysia Run bersama rakan-rakan sekolah. FPM@KL 2022 ini memberi pendedahan terhadap permainan tradisional yang tidak pernah saya tahu."

Muhammad Faiz Syahir Fairus
Peserta Keluarga Malaysia Run



FAIZ

“ PERMAINAN yang paling dirindui oleh saya adalah kondi kondi dan galah panjang. Zaman dahulu, ketika waktu petang, saya dan kawan-kawan akan bermain bersama-sama tapi sekarang sukar untuk melihat suasana tersebut kerana dunia teknologi sudah menguasai masa kini."

Arash Mohamad
Selebriti



ARASH

“ BILA tengok pegawai beruniform dan kakitangan sektor korporat bermain permainan tradisional, saya terus teringat kembali kenangan di kampung sewaktu kecil. Tahniah pihak yang berjaya menganjurkan festival ini. Diharapkan ia akan berterusan."

Cat Farish
Selebriti



CAT FARISH

“ INI usaha terbaik! Melalui program ini juga, hubungan silaturahim antara kakitangan pelbagai sektor, kakitangan badan beruniform serta masyarakat terjalin erat."

Djihan Khalid
Peserta Jabatan Imigresen Malaysia



DJIHAN

Jambatan budaya Latin di Kuala Lumpur



AZLAN ZAMBRY

SETELAH dua tahun festival ini dilakukan secara atas talian, pengajuran Festival Amerika Latin yang berlangsung pada Ahad lalu mengubati kerinduan penggemar seni, budaya, kraf tangan malah masakan negara Caribbean itu di Common KL, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Duta Argentina, **Manuel Balaguer Salas** yang mengetuai badan bertanggungjawab untuk menganjurkan perayaan hari itu berkata pengajuran Festival Amerika Latin pada tahun ini amat memberangsangkan dan ia kembali segar memandangkan pengajuran sebelum ini dilakukan secara dalam talian akibat serangan pandemik COVID-19.

“Sejak dua tahun lepas, kami terpaksa melakukannya secara maya dan tertutup dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

“Saya gembira kerana untuk edisi ke-13, festival ini dapat kembali ke tempat asalnya, di mana anda boleh melihat ia telah melalui proses kemas kini dan ia dirancang dengan baik untuk menambahkan keceriaan kepada festival ini,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis perasmian.

Beliau yang juga Dekan kedutaan GRULAC (Kumpulan Amerika Latin dan Caribbean) berkata pengajuran ini sangat penting untuk negara Amerika Latin bagi mempromosikan budaya yang



MANUEL

unik seperti tarian dan produk kraf tangan.

“Ia juga dapat memperkenalkan kepada orang Malaysia mengenai kepelbagaiannya budaya yang boleh diraikan bersama-sama selain menjadi platform penting mengukuhkan hubungan unik antara warga tempatan dan ekspatriat,” katanya.

Tambahnya, beliau menjangkakan 10,000 orang akan hadir untuk melihat dengan lebih dekat mengenai kepelbagaiannya budaya dan hasil seni yang dipersembahkan dalam festival ini.

Dalam pada itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyokong pengajuran festival ini kerana ia memberikan pengisian kepada aktiviti di ibu kota.

“Ia juga boleh menarik pelancongan selain dapat memberikan sokongan kepada ekspatriat-ekspatriat yang berasal dari negara ini dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang menarik untuk semua,” katanya.

Pengajuran yang telah memasuki edisi ke-13 itu bermula pukul 11 pagi dengan upacara memotong riben yang diketuai Mahadi serta turut menampilkan tujuh wakil kedutaan negara Amerika Latin dan Caribbean sebagai simbolik kepada perasmian festival tersebut.

Antara yang hadir adalah Duta Besar Argentina, Manuel Balaguer Salas; Duta Besar Brazil, Ary Norton De Murat Quintella; Duta Besar Chile, Diego Velasco Von Pilgrim;



Duta Besar Cuba, Florentino Batista Gonzalez; Duta Besar Mexico, Edmundo Font Lopez; Duta Besar Peru, Ricardo Estanislao Morote Canales; Timbalan Ketua Misi Colombia ke Malaysia, Raúl Sánchez.

Ia kemudian diikuti perarakan kanak-kanak cilik dengan mengibarkan bendera negara masing-masing bagi memperkenalkan kepada orang ramai. Penari kebudayaan dan penyanyi DBKL mempersembahkan tarian kebudayaan tradisional Malaysia dan nyanyian lagu-lagu Latin berjaya memukau golongan ekspatriat yang memenuhi ruangan perasmian.

Sudah pasti kelainan dalam festival seumpama ini adalah persembahan kebudayaan dan tarian yang sememangnya sinonim dengan mereka. Melihat persembahan Tarian Mexico yang dijayakan dengan sempurna oleh Flores de Mexico Folkloric berjaya

memukau hadirin. Tidak sempurna festival latin ini tanpa tarian Tango yang berasal dari Argentina dan dipersembahkan dengan baik oleh Iskandar dan Alyssa.

Selain itu pemuzik Peru, Manuel Granados turut menyerikan festival dengan persembahan menggunakan instrumen Zampona dan Quena. Menariknya, Duta Besar Chile ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Diego Velasco mempersembahkan sendiri Tarian Chile, Cueca yang turut disertai Dr Ambara Baratawidjaya dan Dr Aqlima Ahmad.

Tidak sekadar itu, tarian Salsa yang sinonim dan popular dari Cuba turut dipersembahkan oleh Salsation Company and Yoyo diikuti persembahan tarian dan muzik Samba yang dikenali sebagai Batucada. Batucada tarian samba yang diiringi instrumen *percussion* yang biasanya dilakukan secara bersama dengan gaya yang

berulang-ulang diiringi rentak pantas oleh Caboco Fit Centre.

Selain itu, turut diadakan demonstrasi seni beladiri yang terkenal dalam kalangan warga Brazil, Capoeira oleh Casa da Capoeira. Turut dipersembahkan adalah muzik Colombia oleh Perla D Leon dan pertunjukkan tarian Cuba oleh Afro Malaya Jazz Project Band.

Menarik sepanjang festival turut diadakan gerai yang menjual masakan asli dari negara asal kedua-dua masing-masing, setiap gerai juga menampilkan kraftangan asli dan maklumat pelancongan yang berguna untuk mereka yang berminat untuk membuat rancangan perjalanan ke negara tersebut.

Tidak sekadar itu, ekspatriat yang datang mengunjungi festival ini turut menggayakan busana tradisional masing-masing yang membawa anda seolah-olah berada di salah sebuah negara tersebut. **WK**







TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias diiringi Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah hadir dalam Majlis Makan Malam Perpisahan Kongres CityNet 2022 bertempat di Taman Botani Perdana baru-baru ini dan beramah mesra bersama Datuk Bandar dari pelbagai negara.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Datuk Ramlan Askolani menyerahtarkan bantuan kerusi roda kepada adik Muhammad Bukhairi Zulkarnain menerusi Bantuan Khas Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), baru-baru ini.



TIM PESAT YWP bersama Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Parlimen Batu, Gulam Muszaffar Gulam Mustakim turun padang menghulurkan Bantuan Khas YWP kepada tiga orang penerima di sekitar ibu kota Kuala Lumpur, pada Selasa lalu.

Peniaga kecil 'dikencing' selebriti popular berhijab



DEEL ANJER

A LAHAI!!!.. Kasihannya Wilayahku rasa apabila ada peniaga kecil yang 'dikencing' (ditipu) oleh seorang selebriti popular ini. Video luahan hati itu tular baru-baru ini dalam media sosial.

Peniaga ini baru nak bangkit

semula selepas pandemik COVID-19. Bisnes pun kecil-kecil dan sedang mencari ruang dalam bidang tersebut.

Begini ceritanya, peniaga wanita ini mendakwa telah membayar ribuan ringgit kepada seorang selebriti wanita popular itu untuk membuat 'paid review'.

Kebetulan pula, dia mendakwa artis tersebut telah membuka slot untuk mengambil



beberapa 'hint' menerusi video itu.

'paid review' bagi membantu peniaga-peniaga kecil.

Namun selepas pembayaran dilakukan, artis itu terus mendiamkan diri.

"Artis itu orang yang saya sangat respect, seorang yang sangat berjaya, seorang yang ada penampilan yang baik," katanya.

Dakwa wanita itu, dia telah memohon untuk artis tersebut membuat 'review' sejak bulan Mei namun tiada respons sehingga bulan September.

Namun begitu, tidak lama selepas itu video tersebut dilihat telah dipadam oleh pemilik akaun TikTok tersebut. **W.K**



Konsert Kim Jae Joong ubati rindu peminat

SETELAH 12 tahun tidak menjajakan kaki ke Malaysia, pada 23 September lalu, penyanyi dan pelakon Korea Selatan, **Kim Jae Joong** kembali menemui peminatnya sempena konsert solonya, 2022 Kim Jae Joong Asia Tour Concert In Kuala Lumpur, anjuran iMe Malaysia.

Konsert yang berlangsung di Plenary Hall, KLCC itu bukan sekadar ditonton oleh peminat tempatan, malah peminat tegarnya dari Amerika Syarikat, Kanada, Singapura, Indonesia, Thailand dan Jepun juga turut serta.

Jae Joong yang merupakan anggota kumpulan JYJ di bawah pengurusan C-JeS Entertainment itu baru saja tampil dengan album baharu berjudul Born Gene pada September lalu selepas enam tahun tidak menghasilkan album.

Seperti yang dijanjikan, Jae Joong memulakan persembahan kira-kira pukul 7.32 malam selepas penonton disajikan dengan tayangan video berkaitan dirinya.

Penyanyi berusia 36 tahun itu memulakan persembahannya dengan diiringi empat pemuzik menerusi lagu Just Another Girl yang dipetik daripada album popularnya, WWW yang dilancarkan pada 2013.

Jelas Jae Joong, dia merasa sangat gembira kerana dapat kembali datang ke Malaysia selepas 12 tahun dan terharu dengan sokongan yang diberikan oleh peminat.

"Malah kehadiran anda semua membuatkan saya terharu. Maafkan saya kerana mengambil masa lama untuk menemui anda semua."

"Apa khabar semua? Semalam saya baru belajar Bahasa Melayu iaitu perkataan, cantik. Adakah sebutan saya betul?" katanya yang cuba berkomunikasi dengan penonton dalam bahasa Melayu.

Selepas bertegur sapa dengan penonton, pelakon drama Protect The Boss meneruskan persembahan dengan lagu baharu, BPM yang dimuat naik dalam album Born Gene. Kemudian diikuti dengan lagu rancak berjudul Tick-Tack diikuti lagu-lagu popularnya

yang lain.

Sebelum persembahan Jae Joong, pentas malam itu diserikan dengan persembahan kumpulan baharu, M.I.C (Made In C-JeS) yang juga bernaung di bawah agensi yang sama dengan Jae Joong.



JAE JOONG ubati kerinduan peminat di Malaysia.

Tom korbankan rambut 'dreadlock' demi GV9



PESERTA GV9, **Tom** atau nama sebenarnya Raja Farah Afzal Raja Iqram, 35, berkongsi sebuah video di akaun media sosialnya menunjukkan rambut 'dreadlock' yang menjadi imejnya sedang dipotong oleh dua orang pendandan rambut.

Tom sanggup mengorbankan rambut kesayangannya demi memberikan yang terbaik dalam persembahannya pada konsert minggu ketiga Ahad ini.

'Demi GV, saya tunaikan permintaan netizen, selamat tinggal 'dreadlock'. Minggu ini konsert lagu Goyang Inul. New look, new Tom,' tulisnya di bahagian kapsyen.

Walaupun ramai netizen memuji kesungguhan Tom dalam pembabitannya dalam GV9, namun tak kurang juga yang berpendapat rambut 'dreadlock' sudah sebat dengan imej Tom.



SHILA Amzah dan Sharnaaz ketika bercinta kira-kira 10 tahun dahulu.

Kak Lina usik Shila Amzah dan Sharnaaz

PESERTA Gegar Vaganza musim kesembilan (GV9), Shila Amzah mengakui tidak berasa canggung atau kekok dengan kehadiran bekas kekasihnya, Sharnaaz Ahmad pada konsert minggu kedua di MBSA, Shah Alam, Ahad lalu.

Pengacara Elly Mazlein yang juga dikenali sebagai Kak Lina Pom Pom sempat mengusik kedua-duanya yang pernah mempunyai sejarah hubungan cinta kira-kira sepuluh tahun lalu.

Menurut Shila atau nama sebenarnya NurShahila Amir Hamzah, 32, dia sama sekali tidak nampak keliatan Sharnaaz sehingga tamat persembahan.

"Tetapi kalau saya nampak dari awal pun, saya tak rasa perkara itu akan menjadikan persembahan saya. Lagipun sejarah hidup saya dengannya sudah lama berlalu. Sudah 10 tahun."

"Kalau tanya saya sewaktu saya berusia 22 tahun dulu, mungkin

saya akan rasa canggung. Tetapi jika sekarang, saya okay sahaja."

"Saya nak salahkan orang yang masih bercakap tentang hal ini pun tak boleh juga. Mungkin ada beberapa perkara yang masih jelas di ingatan mereka. Takkun saya nak pergi kepada mereka dan cakap tololoh lupakan," katanya.

Pada malam itu, Shila menyanyikan lagu Getaran Cinta Di Jiwa nyanyian Liza Hanif yang turut hadir memberikan sokongan.

Industri Komunikasi dan Multimedia Malaysia kekal kompetitif di sebalik impak pandemik

TAN SRI ANNUAR MUSA

LAPORAN Prestasi Industri (IPR) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) baru-baru ini mendapati sektor Komunikasi dan Multimedia (C&M) meliputi telekomunikasi, penyiaran serta pos dan kurier kekal kompetitif sepanjang 2021 meskipun masih berhadapan dengan impak pandemik COVID-19 akibat kemunculan pelbagai varian baru.

Secara keseluruhannya, permodalan pasaran industri C&M telah meningkat sebanyak 2.8 peratus kepada RM146.95 bilion pada tahun 2021 berbanding dengan RM142.96 bilion pada tahun 2020. Angka berkenaan menyumbang 8.2 peratus daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia iaitu RM1,789.2 bilion pada 2021.

Daripada aspek kewangan, hasil industri C&M memperlihatkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus kepada RM48.25 bilion pada 2021 berbanding RM46.52 bilion pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh pembukaan semula ekonomi dan program rangsangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Meskipun berhadapan dengan cabaran getir akibat pandemik COVID-19, sektor telekomunikasi negara berjaya menangkis impak pandemik, didorong oleh peningkatan permintaan untuk ketersambungan serta kebergantungan orang ramai dan perniagaan terhadap perkhidmatan komunikasi.

Melalui inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA), infrastruktur jalur lebar negara telah ditambah baik bagi menyediakan



INDUSTRI Komunikasi & Multimedia Malaysia meningkat 2.8 peratus kepada RM146.95 bilion pada tahun 2021 berbanding RM142.96 pada tahun 2020.

perkhidmatan di semua kawasan berpenduduk, sekali gus mendorong pelanggan untuk menikmati manfaat daripada perkhidmatan jalur lebar.

Sehubungan itu, permintaan yang lebih tinggi untuk kedua-dua perkhidmatan jalur lebar mudah alih dan tetap telah menyumbang kepada keseluruhan peningkatan langganan jalur lebar sebanyak 8.4 peratus kepada 45.75 juta pada 2021 berbanding 42.19 juta pada 2020.

Sementara itu, ketersediaan perkhidmatan penstriman terus memberi tekanan kepada sektor penyiaran negara justeru mengakibatkan penguncutan hasil sektor tersebut sebanyak 1.9 peratus kepada RM5.28 bilion berbanding dengan RM5.38 bilion pada 2020. Pada

2021, dua saluran baharu telah diperkenalkan di MyFreeView, iaitu TV6 oleh RTM dan TV Sarawak oleh Kumpulan Media Sarawak.

Sepanjang pandemik, sektor pos dan kurier terus beroperasi dalam suasana pasaran yang kompetitif meskipun terdapat lonjakan dalam permintaan e-dagang dan jumlah bungkusan.

Hasil sektor pos dan kurier negara susut sebanyak 4.7 peratus kepada RM2.66 bilion berbanding dengan RM2.79 bilion pada tahun sebelumnya. Pada 2021, penghantaran bungkusan per kapita Malaysia mencecah 23.5, iaitu peningkatan daripada 14.1 bungkusan yang dicatatkan pada 2020.

Sektor e-dagang turut menyaksikan kadar pertumbuhan



ANNUAR melihat 'Showcase 5G Multi-Operator Core Network (MOCN) Integration 5G Radio Access Network (RAN) Site' di Titiwangsa, Kuala Lumpur.

Permodalan Pasaran Sektor Telekomunikasi Negara

Tahun	Nilai Permodalan Pasaran (RM)
2021	RM139.19 juta
2020	RM134.42 juta meningkat 3.5%

Hasil Sektor Telekomunikasi Negara

Tahun	Hasil Sektor Telekomunikasi (RM)
2021	RM40.31 bilion
2020	RM38.35 bilion meningkat 5.1%

yang memberangsangkan. Bagi tahun 2021, jumlah perbelanjaan keseluruhan untuk e-dagang meningkat sebanyak 10.7 peratus kepada RM28.5 bilion berbanding RM25.7 bilion pada 2020. Jumlah transaksi e-pembayaran terus mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 30 peratus kepada 7.2 bilion transaksi pada 2021.

Melangkah ke tahun 2022, kadar penggunaan teknologi digital dijangka kekal tinggi dan beralih kepada penggunaan teknologi seperti Kecerdasan Buatan

Imbas kod QR untuk baca laporan penuh Industri Komunikasi dan Multimedia Negara 2021.



ANNUAR mendengar penerangan pelaksanaan rangkaian 5G yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Digital Nasional Berhad (DNB), Ralph Marshall pada 28 Jun 2022.

Putrajaya bergema selawat, ayat suci Al-Quran



FOTO: FARIS AZMI

AINI MAWAWI

ORANG ramai membanjiri Program Putrajaya Berselawat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj), bersempena Karnival Putrajaya 2022 yang diadakan pada 23 hingga 25 September 2022 lalu.

Merupakan acara julung kali diadakan, program tersebut dimulai dengan Solat Isyak Berjemaah di Dataran Putrajaya yang diimamkan oleh Ketua Imam Surau Al-Furqan Presint 11, Syed Ahmad Syakur Dihya Syed Ahmad Johar.

Seterusnya majlis diteruskan dengan bacaan ayat suci Al-Quran sebelum berselawat bersama barisan kepimpinan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), PPj, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), pelajar-pelajar sekolah Putrajaya serta selebriti jemputan antaranya Fakhru UNIC, Kumpulan InTeam, Afad Raihan dan tausiah bersama Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Imam



WARGA Putrajaya berselawat di Dataran Putrajaya, baru-baru ini.

Muda Asyraf.

Penganjuran tersebut bertujuan untuk memupuk semangat berjemaah dalam kalangan komuniti Putrajaya melalui amalan berselawat.

Tinjauan *Wilayahku* di laman sosial Facebook PPj mendapati rata-

rata pengguna menyambut baik Program Putrajaya Berselawat yang diadakan itu.

Mereka menyifatkan program tersebut mampu mendidik hati warga Putrajaya khasnya ke arah perkara-perkara kebaikan jika ia dijadikan acara wajib.

Salah seorang pengguna laman sosial, Sariyah Sylvie John, berharap agar pihak PPj menganjurkan aktiviti bermanfaat tersebut berbanding konsert di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu.

"Semoga selalu ada aktiviti begini di Putrajaya," tulisnya

di laman Facebook PPj. Komen yang ditinggalkan olehnya turut dipersetujui oleh salah seorang pengguna lain yang dikenali sebagai Hasmah Hamad.

Sementara Aza Zuhra pula memuji PPj sempena program yang dilaksanakan itu.

"Terharunya. Hebat sangat. Semoga terus mengimarahkan agama. Amin. Diharapkan ia menjadi acara wajib di Putrajaya pada masa akan datang," ujar Siti Noor Azlizan.

"Malam ni, suasana Putrajaya tenang. Semoga program begini dapat dijalankan selalu," tulis Zuwan Hazfan.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Ruzain Idris dan Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Terdahulu, Karnival Putrajaya 2022 merupakan acara tahunan anjuran PPj bertujuan untuk mengukuhkan persepakatan PPj dengan warga komuniti dan pemegang taruh di Putrajaya. Ia merupakan medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan serta kemeriahan dalam kalangan warga Putrajaya. **WK**

Kenali burung Putrajaya melalui Backyard Buddy

PERBADANAN Putrajaya (PPj) bersama Nature Education Society (NEST) menganjurkan Bengkel Backyard Buddy dalam usaha memperkenalkan Urban Birding Hotspot Putrajaya dalam kalangan komuniti setempat.

Bertempat di Galeri VIC Taman Botani Putrajaya, bengkel ini telah memasuki siri kedua yang bertujuan mewujudkan satu kumpulan komuniti Putrajaya dari semua peringkat umur dan latar belakang yang peka terhadap pelbagai spesies burung di Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, **TPr Norzita Abdul Razak**, program ini dapat mewujudkan kesedaran komuniti yang prihatin terhadap kehadiran serta spesies burung di

persekitaran mereka di Putrajaya.

"Seramai 50 peserta telah menyertai bengkel yang dibahagikan kepada 10 kumpulan. Peserta didedahkan kepada teknik-teknik pemerhatian serta pengecaman burung di Taman Botani.

"Sehingga kini terdapat 202 spesies burung di Putrajaya dan para peserta berpeluang untuk membuat pengecaman burung di Taman Botani antaranya burung belutuk, burung pekaka atau dikenali sebagai raja udang, burung dari keluarga bul-bul dan sebagainya," ujar Norzita.

Di samping itu, turut diadakan sesi perkongsian pengalaman penglibatan komuniti berkaitan dengan burung di Taiping, Bukit Wang, Kedah dan Penaga, Pulau

Pinang.

"Bengkel ini juga turut memberikan pendedahan serta kesedaran terhadap kepentingan burung sebagai indikator kelestarian alam sekitar di sesuatu kawasan.

"Kumpulan yang diwujudkan ini juga diharap dapat memainkan peranan serta aktif dalam menjayakan semua program Urban Birding Putrajaya anjuran PPj.

"Pada masa akan datang, PPj juga berharap Bengkel Backyard Buddy ini dapat mewujudkan jurupandu 'bird guide' tempatan (Putrajaya) yang berpengetahuan serta berkelayakan untuk mereka terabit di dalam program pembangunan seterusnya iaitu program Paket Pemerhatian Burung Putrajaya," tambahnya.



PARA peserta bergambar sejurus selepas bengkel Backyard Buddy, baru-baru ini.



PESERTA menunjukkan kehebatan menunggang kuda masing-masing.

Uji mentaliti menunggang kuda di Wetland

LASAK. Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2022, baru-baru ini menyaksikan 70 peserta menguji kemahiran, mental serta ketahanan kuda masing-masing melalui trek lasak sepanjang 40 kilometer (km) mengelilingi Wetland Putrajaya.

Peserta dinilai melalui keadaan fizikal dan kesihatan kuda mereka antaranya kadar degupan jantung 64bpm, kelajuan menunggang minimum 8km/jam dan maksimum 16km/jam serta faktor-faktor lain.

Juara kejohanan membawa pulang wang tunai RM1,500 beserta piala sementara Naib Juara pula menerima wang tunai RM1,000, tempat ketiga RM700 dan tempat keempat hingga ke-10 RM200 selain 20 cabutan bertuah kepada peserta yang bertuah.

Sebagai rekod, trek kuda lasak Taman Wetland Putrajaya mempunyai permukaan trek yang kebanyakannya rata, luas dan bebas dari keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kuda.



KARNIVAL Putrajaya 2022 yang diisi dengan lebih 55 aktiviti mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai sepanjang tiga hari penganjurannya di Kompleks Perbadanan Putrajaya, baru-baru ini.

Sambutan hangat Karnival Putrajaya, bakal diadakan dua kali setahun



SABRINA SABRE

BERKONSEPKAN hiburan bermaklumat, lebih 55 aktiviti menarik memeriahkan Karnival Putrajaya 2022 yang berlangsung sepanjang tiga hari bermula 23 hingga 25 September lalu di Dataran Putrajaya dan perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPJ).

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, program tersebut dapat dilaksanakan dengan sempurna hasil kerjasama strategik yang bererususn oleh semua pihak

terlibat.

"Saya yakin aktiviti riadah sebegini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai terutamanya anak muda yang secara tidak langsung dapat meningkatkan sistem penyampaian PPJ selaku Pihak Berkusa Tempatan (PBT) menerusi penglibatan komuniti."

"Karnival ini berkemungkinan besar bakal diadakan dengan lebih kerap sepanjang tahun dan disambut masyarakat Putrajaya dan kawasan berhampiran. *Insy-A Allah*, buat permulaan ini mungkin boleh diadakan dua kali setahun," ujar beliau pada Majlis Perasmian Karnival Putrajaya 2022, baru-baru ini.

Selain itu, Shahidan berkata

karnival tersebut turut menfokuskan kepada Pelancaran Kempen Kebersihan Perbadanan Putrajaya (BeST Putrajaya) untuk memastikan Putrajaya bersih di setiap tempat.

Antara aktiviti yang diadakan adalah tindakan memperkasa kaedah pencucian di kawasan-kawasan awam yang utama dan aktiviti kebersihan seperti *plogging*, gotong-royong, pendidikan kesihatan serta kebersihan tandas.

Pembukaan karnival dimeriahkan dengan Program Putrajaya Berselawat, Bazar Usahawan, Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya, Belon Udara Panas, Pertandingan Mewarna, Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Persembahan Kesenian dan Kebudayaan, Sesi Bersama Ikon Usahawan dan Sukan Negara, Pertandingan Mereka Bentuk

pelajar sekolah Putrajaya serta selebriti jemputan seperti Fakhru UNIC, InTeam, Afad Raihan serta tausiah bersama Ustaz Don Daniyal Don Biyajid dan Imam Muda Asyraf.

Lebih menarik, pihak PPJ turut menyediakan sebanyak 300 hadiah cabutan bertuah berjumlah lebih RM100,000 kepada pengunjung yang hadir.

Antara program sepanjang karnival adalah Program Putrajaya Berselawat, Bazar Usahawan, Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya, Belon Udara Panas, Pertandingan Mewarna, Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat, Persembahan Kesenian dan Kebudayaan, Sesi Bersama Ikon Usahawan dan Sukan Negara, Pertandingan Mereka Bentuk

Edible Landskap, Persembahan Maskot dan Cosplay, Konsert Riu KLfm @ Putrajaya, Kayuhan Ceria, Pertandingan Fitness Putrajaya, Sukan Rakyat Keluarga Putrajaya dan banyak lagi.

Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Ruzaiz Idris dan Presiden PPJ, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud.

Terdahulu, karnival yang bermula seawal pukul 8 pagi hingga 10 malam itu mendapat sokongan daripada rakan strategik utama iaitu agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). **WK**

Bantu anak muda tentukan hala tuju pendidikan, kerjaya masa hadapan

PENGJURUAN Karnival Pendidikan dan Haluan Kerjaya 2022 memberi ruang kepada orang ramai untuk mengetahui informasi terkini dan maklumat berkaitan kursus kemahiran serta pengajian yang ditawarkan oleh Institusi Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajaran Tinggi Swasta (IPTS) dengan lebih mendalam.

Menurut Pengarah Urusan ANS Diversified Sdn Bhd, **Ameera Nadia Mohd Shafiee**, sepanjang tiga hari program berlangsung, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPPWP) telah menyediakan lebih 30 rerua pameran melibatkan penyertaan universiti awam, swasta, pelbagai agensi di seluruh negara dengan

sesi konsultasi serta perkongsian informasi.

"Saya amat berterima kasih dan bersyukur apabila karnival yang diadakan pada 23 hingga 25 September lalu mendapat sokongan luar biasa daripada pelajar sekolah, warga Wilayah Persekutuan dan masyarakat setempat.

"Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar mengenai peluang pendidikan dalam pelbagai bidang serta membantu mereka membuat persediaan awal demi kecemerlangan hidup. "Di samping itu, ia juga merupakan medium yang baik untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang pendidikan



KARNIVAL Pendidikan dan Haluan Kerjaya 2022 memberi peluang kepada pelajar untuk memilih pengkhususan yang diminati.

di peringkat lebih tinggi dan bidang kerjaya semasa," katanya kepada *Wilayahku*.

Dalam pada itu, Ameera Nadia berkata program-program yang ditawarkan akan membantu mereka membuka minda dan

menetapkan hala tuju dalam mengikuti bidang pengajian yang akan dipilih.

"Penganjuran karnival seperti ini pastinya memberi impak yang positif dalam memberi motivasi dan menambah minat pelajar

serta mereka yang berhasrat untuk meneruskan pengajian di peringkat IPT," jelasnya.

Tambah Ameera Nadia, dengan adanya program seperti ini, dia berharap para pelajar boleh membuat keputusan bijak berkenaan pilihan untuk menyambung pengajian atau kursus-kursus kemahiran berpandukan kepada potensi dan peluang kerjaya yang telah ditetapkan.

Terdahulu, program yang bermula pada pukul 9 pagi hingga 5 petang itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti menarik lain antaranya Ujian Kenali Potensi Diri, Motivasi Diri dan Haluan Kerjaya, Permohonan Kemasukan ke IPTA dan PTS, Bual Bicara: Penajaan dan Pinjaman Pendidikan serta *Meet and Greet* bersama selebriti dan pempengaruh media sosial pilihan. **WK**

Kos pengurusan penjara dan alternatif Islaminya



HUKUMAN PENJARA

HUKUMAN penjara dalam Islam bukanlah satu bentuk hukuman yang asing. Ia diletakkan di bawah kategori hukuman takzir apabila melibatkan kesalahan-kesalahan selain hudud atau melibatkan kesalahan hudud namun hukumannya tidak dapat dilaksanakan berikutan wujud halangan-halangan tertentu. Hukuman penjara turut dinyatakan di dalam Al-Quran menerusi kisah Yusuf AS melalui firman Allah SWT: Dan Yusuf berkata kepada orang yang diketahuinya akan selamat di antara mereka berdua: *Jelaskan keadaanku kepada tuanmu. Maka syaitan menjadikan dia lupa menerangkan (keadaan Yusuf) kepada tuannya (kerana itu, tetaplah Yusuf) dalam penjara beberapa tahun lamanya.* (Surah Yusuf: 42).

Zaman Rasulullah SAW memperlihatkan hukuman penjara dengan sistem yang amat ringkas tanpa tempat tahanan khusus. Pesalah juga hanya diikat di kawasan sekitar masjid yang mempunyai tiang atau pagar. Sistem hukuman penjara menunjukkan perubahan pada zaman Umar al-Khattab RA. Pada zaman beliau, telah diwujudkan penjara pertama di kawasan Makkah iaitu rumah kediaman Safwan bin Umayah yang dibeli dengan harga 4,000 dirham. Ali bin Abi Thalib RA dalam pemerintahannya turut membina tempat tahanan dikenali sebagai Penjara Nafi'. (*Namun, kerana binaannya yang kurang kukuh telah menyebabkan ramai tahanan melarikan diri*).

Selepas itu, dibangunkan semula penjara dikenali sebagai Mukhayyis dan disebut sebagai bangunan penjara pertama dalam sejarah Islam.

KOS PENGURUSAN BANDUAN DAN SOLUSI ISLAMI

SEIRING perkembangan masa dan pertambahan bilangan masyarakat, interaksi sosial semakin giat merentasi sempadan negara. Dari aspek jenayah, muncul istilah-istilah baharu bagi menerangkan bentuk-bentuk kesalahan dan hukuman yang bakal dikenakan merangkumi kesalahan tort, kecualian, kesalahan di bawah jenayah syariah dan beragam lagi tindakan lain yang dianggap sebagai satu kesalahan di bawah undang-undang. Kebanyakan kesalahan di bawah undang-undang di Malaysia memperuntukkan hukuman yang boleh membawa kepada denda, atau penjara atau sebatan.

Bagi kesalahan berat yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksamaan, rata-rata pesalah yang dituduh di mahkamah didapat lebih



gerun terhadap hukuman sebatan berbanding hukuman penjara menyebabkan kebanyakannya mereka lebih memilih untuk dikenakan hukuman penjara lebih lama berbanding bilangan sebatan yang tinggi dalam rayuan mitigasi. Begitu juga penetapan hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1965 yang memberi kuasa kepada Hakim Syarie untuk menjatuhkan hukuman penjara maksimum tiga tahun bagi pesalah jenayah syariah.

Situasi ini mengakibatkan berlakunya lambakan banduan dalam tahanan di penjara seluruh negara sekali gus memberi impak kepada peningkatan kos pengurusan dan penyelenggaraan banduan.

Mengenai jumlah banduan sedia ada, statistik terkini pada Mac 2022 merekodkan seramai 70,570 penghuni membititkan 56,068 banduan direkodkan di 39 penjara di seluruh negara, manakala bakinya penghuni di pusat pemulihan dan pusat tahanan lain. Statistik ini menyaksikan lebihan kapasiti tahanan hampir 10,000 penghuni berbanding kapasiti maksimum kira-kira 63,000 orang di semua institusi di bawah pengurusan Jabatan Penjara.

Jumlah anggaran belanjawan mengurus sektor kepenjaraan dan koreksional ialah sebanyak RM1.019 billion yang menyamai jumlah belanja mengurus dua IPT di Malaysia. Peningkatan OPR dan inflasi yang berlaku pada di era pasca pandemik ini juga memberi kesan kenaikan pada belanjawan mengurus sektor tersebut. Penyaluran bajet sedemikian mungkin lebih produktif sekiranya disalurkan ke sektor-sektor yang lebih memerlukan dan mendatangkan hasil.

Perbelanjaan makin meningkat setiap hari dengan mengambil kira kos makanan dan penyelenggaraan lain yang juga semakin meningkat.

Walau telah banyak yang disumbang oleh kerajaan di dalam usaha untuk mengurang bajet tersebut dengan memperkenalkan beberapa skim pemuliharan luar tembok, jumlah yang diperuntukkan untuk sektor yang dilihat ‘sakit’ atau tidak produktif itu terlalu membebankan.

Contohnya, jika 1 bilion digunakan ke sesebuah IPT, jumlah tersebut dijangka mampu memberikan pulangan kepada negara dengan penghasilan graduan, pelajar dan staf akademik yang menyumbang kepada negara. Persoalannya, adakah jumlah wang yang sama itu berbaloi untuk disalurkan kepada banduan.

Secara dasarnya, kerajaan perlu menyediakan bagi kategori ini satu peluang pendidikan untuk mengoreksi kesilapan mereka dan mampu untuk kembali ke pangkuhan masyarakat dengan identiti dan imej yang baru. Namun setakat ini sejahtera manakah bajet tersebut dapat menunjukkan keberhasilan.

Di Amerika pula, penjara swasta diwujudkan dan terbukti berkesan mengurangkan 10 peratus kadar pusingan modal pengurusan penjara seluruh Amerika yang asalnya berjumlah USD 74 billion. Melihat kepada modal pusingan pihak penjara menunjukkan bahawa penjara di negara barat itu amat produktif di dalam menghasilkan produk. Penjara di Amerika lebih memikirkan bagaimana mereka boleh menjana pendapatan menerusi penjara. Oleh yang demikian, mereka mengenakan pelbagai bayaran kepada banduan serta peluang pekerjaan di dalam penjara bagi menjadikannya penjara yang lebih produktif terutamanya ketika menggunakan duit cukai yang dibayar rakyat. Kenaikan kos yang sama juga berlaku di United Kingdom di mana GBP 5.64 billion telah digunakan bagi menguruskan sistem kepenjaraan di negara barat tersebut.

Solusi yang mengambil kira peranan dan sumbangan semula banduan kepada masyarakat.

SOLUSI ISLAM

1. Bayaran pampasan bagi kesalahan cuai.

Cadangan pembayaran pampasan oleh pesalah terus kepada mangsa bagi kesalahan tanpa niat tidak memerlukan pesalah untuk diberi hukuman tambahan seperti hukuman penjara. Sebagai contoh, hukuman penjara boleh dikenakan sekiranya pesalah memandu dalam keadaan mabuk, di bawah pengaruh dadah atau alkohol dan sebagainya sehingga mengakibatkan kemalangan berlaku. Pun demikian, pihak pesalah yang mengakibatkan kemalangan semata-mata atas kecuaian seperti terjatuh, jalan raya yang licin dan sebagainya, maka penetapan nilai diyat sudah cukup menjadi hukuman ke atas mereka.

Selain itu, hukuman penjara seperti yang diamalkan oleh sistem perundangan sekarang tidak dinafikan memberi impak ke atas pesalah yang cuai mengakibatkan kemalangan.

Namun demikian, impak tersebut bukan hanya dirasai oleh pesalah tetapi juga tanggungan mereka. Hal ini mengakibatkan rantaian pihak yang perlu diberi perhatian semakin panjang. Sekiranya pesalah ialah ketua keluarga atau orang yang memberi sumbangan dalam keluarga, hukuman penjara ke atas mereka sudah tentu memberi impak negatif kepada waris atau tanggungan. Hal ini menyebabkan fokus dan matlamat utama ganti rugi ke atas mangsa sedikit lari apabila ada kelompok lain yang terjejas iaitu pihak yang ditanggung pesalah.

2. Pemenjaraan dalam komuniti Solusi yang mengambil kira peranan dan sumbangan semula banduan kepada masyarakat.

3. Sistem parol, pelepasan banduan secara lesen dan program reintegrasi penghuni bagi pesalah

“ Zaman Rasulullah SAW memperlihatkan hukuman penjara dengan sistem yang amat ringkas tanpa tempat tahanan khusus. Pesalah juga hanya diikat di kawasan sekitar masjid yang mempunyai tiang atau pagar. Sistem hukuman penjara menunjukkan perubahan pada zaman Umar al-Khattab RA. Pada zaman beliau, telah diwujudkan penjara pertama di kawasan Makkah iaitu rumah kediaman Safwan bin Umayah yang dibeli dengan harga 4,000 dirham. ”

jenayah ringan namun perlu pinda dahulu perintah kehadiran wajib (PKW).

Dalam usaha mengusulkan Rang Undang-Undang (RUU PKW) untuk memasukkan hukuman alternatif pemenjaraan.

HUKUMAN JALAN TERAKHIR

ISLAM adalah agama pendidikan yang membina sahsiah manusia menerusi penerapan nilai-nilai yang baik bermula dari mereka dilahirkan hingga hujung hayat. Pendidikan di awal usia amatlah penting bagi memandu seseorang itu ke arah kebaikan di samping membina kekuatan diri dari terjebak ke dalam aktiviti yang merosakkan diri.

Pendidikan di awal usia yang mantap akan mewujudkan generasi dan persekitaran yang baik sekali gus berperanan di dalam membudayakan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Pembudayaan tersebut juga adalah satu pendidikan yang membentuk gaya hidup, berpikir dan berinteraksi sesama ahli masyarakat yang bakal menobatkan mereka sebagai masyarakat yang bertamadun. Ia sudah pasti memerlukan pelaburan yang besar sebagaimana yang dapat dilihat menerusi pembinaan infrastruktur pusat-pusat pendidikan bagi tujuan tersebut. Sebaliknya, jika misi ini gagal, pasti kos yang besar pula diperlukan untuk proses ‘hukuman’ dan ‘pendidikan di lewat usia’ atau penjara yang kita ketahui pada hari ini.

DR Siti Aisyah Samudin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Undang-Undang; manakala Dr Mohd Shahid Mohd Noh merupakan Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Borneo Art Festival 2022 tutup tirai dengan jaya, tarik 20,000 pengunjung



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

BORNEO Art Festival (BAF) 2022 dengan jayanya menutup tirai dengan kehadiran 20,000 pengunjung sekali gus menjadikan satu pengajuran yang berprestij di Pulau Bebas Cukai itu.

Pesta tahunan itu yang diadakan di Kompleks Ujana Kewangan, anjuran Perbadanan Labuan (Perbadanan Labuan) telah menarik 2,000 artis dari Labuan, Sabah, Sarawak, Brunei, Indonesia dan Filipina untuk pelbagai karya seni.

Pengajuran BAF selama tiga hari mulai 23 September itu merupakan acara terbesar yang berlangsung di pulau bebas



JALALUDDIN (tengah) bergambar bersama para pemenang pada Majlis Apresiasi Borneo Art Festival 2022 di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, pada Ahad lalu.

cukai ini, menarik lebih 10,000 pengunjung dari seluruh Labuan, Sabah, Brunei dan Indonesia.

Majlis apresiasi penutup pengajuran itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri

Jalaluddin Alias berkata festival itu memberi kesan yang baik kepada ekonomi tempatan.

"Kadar penghunian di semua hotel di pulau ini hampir 100 peratus, perniagaan pengangkutan, industri pelancongan dan perniagaan

makanan turut mendapat manfaat.

"Orang ramai benar-benar bersatu untuk menyokong festival ini."

"Kami mempunyai beribu-ribu orang di sini, termasuk dari negara jiran Brunei dan Indonesia

dan ia sungguh mengagumkan," ujarnya ketika berucap pada Majlis Apresiasi BAF 2022 di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, pada Ahad lalu.

Hadir sama, Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Terdahulu, pasukan Nyala Dance (Kuala Lumpur) dinobatkan sebagai johan bagi pertandingan Battle Tingkah Geruh dengan membawa pulang hadiah wang tunai RM6,000 dan trofi.

Manakala pasukan Kalawon (SMK Nabawan) mendapat tempat sebagai naib johan (RM3,000) dan tempat ketiga (RM2,000) disandang oleh pasukan tuan rumah iaitu Dansa Art Production Labuan. WK

Program Kecemerlangan dan Motivasi akrabkan alumni dan warga SMK Lajau

WALAUPUN sudah lama meninggalkan alam persekolahan, alumni bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lajau masih mengingati dan terus cuba memberikan sumbangan bagi memajukan kemenjadian murid di sekolah yang menyambut ulang tahun ke 25 tahun pada tahun ini.

SMK Lajau mula beroperasi pada tahun 1997 merupakan antara institut pendidikan awal yang wujud di Labuan.

Pengetua SMK Lajau, Siti Aminah Zakaria berkata pihak sekolah amat mengalui-alukan kerjasama alumni dalam pelbagai program peringkat sekolah.

Katanya, cabaran pendidikan pada hari ini memperlihatkan kecemerlangan pelajar turut meliputi aspek yang menyeluruh dari segi sahsiah dan aktif kokurikulum bukan setakat akademik.

"Oleh itu sumbangan alumni turut sama dalam menganjurkan pelbagai program dengan menjalinkan kerjasama amat besar maknanya kepada pelajar dan pi-ah sekolah. Ibarat sayap tambahan pada sekolah untuk cuba terus terbang.

"Program Kem Kecemerlangan & Motivasi SPM 2022 ini merupakan salah satu contoh penglibatan dari pihak alumni. Tidak terhenti setakat sumbangan apresiasi kejohanan sukan sebelum ini, alumni juga berkesempatan turun padang memberikan motivasi kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM tahun ini," katanya.

Penang Persatuan Alumni, Dr Sharinah Puasa berkata program kem kecemerlangan dan motivasi untuk calon SPM yang dianjurkan hampir dua minggu ini, merupakan



PENGURUSI Alumni SMK Lajau, Yusnita Md Yunus (tiga kanan) menyerahkan sumbangan apresiasi kepada wakil pemenang pingat emas di Kejohanan Sukan MSSWPL lalu.

contoh terbaik dalam mewujudkan permulaan hubungan erat antara bekas pelajar dan sekolah.

"Kita memang sudah lama berhasrat untuk menggabungkan pelajar dan bekas pelajar dalam

sebuah aktiviti. Mungkin ini langkah kecil alumni untuk perjalanan yang jauh bersama alma mater.

"Jadi adanya program sebegini amat tepat pada masanya. Sama seperti guru-guru kami dahulu, ki-

ni giliran kami pula membantu," katanya.

Dr Sharinah yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut berkongsi pengalaman semasa sesi akhir Program Motivasi Bersama Alumni dalam Kem Kecemerlangan dan Motivasi SPM 2022.

Selain program Motivasi Bersama Alumni ini, alumni SMK Lajau juga telah menjayakan pelbagai program bersempena Sambutan Jubli Perak Ke-25 Tahun sekolah.

Antaranya program mendaki Gunung Kinabalu pada bulan Jun lalu, acara sukan santai bola tampar, futsal, badminton dan kayak bagi menarik lebih ramai lagi bekas pelajar untuk turut sama menyumbang kepada persatuan dan sekolah. WK

68 pasukan sertai Labuan Special Stage Gate Team Challenge RC 4x4 Scale

SEBANYAK 68 pasukan Rc Crawler menyertai Pertandingan Labuan Special Stage Gate Team Challenge RC 4x4 Scale yang diadakan di Desaland di sini, pada Ahad.

Pertandingan julung kalinya diadakan itu merupakan anjuran Pasukan Ranjathiwat Labuan di bawah naungan Labuan Scale Crawler Club.

Menurut wakil pengajurnya, Rizahandy Mokti, pengajuran itu diadakan bertujuan mengumpulkan para peminat permainan kereta kawalan lasak itu bagi mengerakkan lagi silaturahim dalam kalangan peminat permainan itu.

Katanya, dengan pengajuran itu juga memberi ruang dan

peluang kepada mereka dalam berkongsi ilmu pengetahuan dari segi pengendalian serta teknik dalam permainan kereta lasak itu.

"Pengajuran pertandingan kali ini disertai sebanyak 68 pasukan secara keseluruhan daripada Labuan, Sabah dan Sarawak dan terbahagi kepada dua kategori yang dipertandingkan iaitu skala 1/10 dengan 45 penyertaan dan skala 1/12 dengan 18 penyertaan.

"Ini adalah pengajuran pertama di Labuan dan tujuannya adalah menarik lebih ramai lagi para peminat sukan ini datang ke Labuan dan sekali gus merancakkan ekonomi Labuan," katanya ketika temui *Wilayahku*.

Terdahulu, johan pada

pertandingan itu dimenangi oleh pasukan 11 yang dianggotai Sarifuddin (Labuan), Johan dan Andy (Keningau).

Manakala, naib johan disandang oleh pasukan nombor 13 yang dianggotai oleh Mohd Izzudin (Beaufort), Dolyn dan Hillary (Keningau).


Tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan 9 dianggotai Mohamad Raffiq (Labuan), Eddy Koh (Beaufort) dan Tino (Keningau).

Johan bagi kategori skala 1/12 disandang oleh Ramzi Rahimi (Keningau).

Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang hadiah berupa trofi kemenangan dan hamper. WK



ANTARA aksi para pemain mengendalikan kereta kawalan jauh RC Crawler.

PERADUAN MEWARNA PM184

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM184".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **8 OKTOBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 186.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.


**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 182**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM182:

MUHAMMAD RIZQ RAYYAN
MOHD RADZUAN
(12 tahun)
Presint 5, Putrajaya

NUR ELYA MEDINA ABDUL RAHIM
(9 tahun)
Meru, Selangor

DANISH ISKANDAR MOHD NOH
(10 tahun)
Taman Melawati, Kuala Lumpur

**TEKA SILANG KATA SK184****MELINTANG**

1. Menguasai
6. Pasukan pancaragam/muzik
8. Cungkil/umpil
9. Ingat/seru
11. Bayangan/gambaran
13. Sejenis gas

KE BAWAH

1. Penghilang bau badan
2. Ilmu kerohanian
3. Ikan sotong
4. Sungguh-sungguh/benar
5. Penyebab kecelakaan
7. Minuman keras daripada nira kelapa
10. Bercakap tidak tentu hala
12. Institut Kanser Negara

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK184".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **8 OKTOBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 186.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

**Bakat Cilik**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK82:

MOHD BADLISHAH SOLEHIN
(38 tahun)
Kelana Jaya, Selangor

RAFEEEZA SALLEH
(45 tahun)
Presint 9, Putrajaya

NOOR NADIA MUSTAFFA
(31 tahun)
Batu Caves, Selangor

Dulu tukang cuci tandas, kini usahawan berjaya



DEEL ANJER

SIAPA sangka, seorang tukang cuci kini menjadi usahawan berjaya! Bukan satu perjalanan mudah, namun semangat yang kuat dan usaha tanpa jemu kini membawakan hasil.

Begitulah kisah seorang pemuda, **Ahmad Azhari Rosli**, 31, atau lebih mesra dengan panggilan Boss A yang juga pemilik syarikat SugarBomb Worldwide Sdn Bhd.

Kisahnya menjadi inspirasi anak-anak muda untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang sememangnya mencabar.

"Kalau nak cerita, panjang sebenarnya perjalanan dan liku hidup saya tempuh. Bagaimanapun tiada sekulimit kekesalan di hati.

"Saya sendiri tidak menyangka susah payah belajar bidang kejuruteraan aeronautik membuka lembaran lain. Hingga menjadi punca rezeki saya dan ramai orang. Seronok dapat bantu masyarakat jana pendapatan."

"Masa belajar di luar negara pun saya bekerja sambilan sebagai 'cleaner' untuk menampung kos sara hidup. Saya cuci tandas, bangunan, ruang legar dan macam-macam. Kerja dalam cabang pemandu pelancong pun saya pernah," katanya.

Selepas tamat pengajian pada tahun 2015, laluan masa depan lelaki berstatus bapa kepada dua cahaya mata ini ketika itu masih samar.

"Puluhan resume yang dihantar ke pelbagai organisasi. Bayangkan daripada puluhan resume itu, hanya 10 saja syarikat memanggil saya untuk ditemuduga. Namun semuanya hampa, saya ditolak mentah-mentah kerana tiada pengalaman kerja."

"Kecewa memang kecewa. Rasa sedih tu tak payah cakaplah. Namun saya tak mudah mengalah malah terus bangkit."

"Masa itu saya sanggup buat apa saja kerja termasuk menjual kek secara dalam talian dan mengambil upah memandu lori untuk menghantar barang."

"Akhirnya cabang niaga yang lebih menyebelahi saya. Lagipun saya dibesarkan dalam dunia niaga. Hingga kemuncak, dunia wangian juga yang bagi menghamparkan tuah dan rezeki."

"Saya berjinak-jinak dengan industri minyak wangi pada tahun 2015 dan disertai Dr Zamir Othman. Kami sama-sama belajar di universiti sama di United Kingdom," katanya.

Kata Boss A, dia dan Zamir mula membuat penyelidikan dan



ROMBONGAN SugarBomb dan wakil pengurusan J99 Corp bergambar ketika ke Surabaya, Indonesia.

mencari pembekal bahan bancuhan minyak wangi di UK.

"Kemudian kami bawa balik bancuhan itu ke Malaysia dan memulakan pembuatan minyak wangi sendiri. Masa itu, 600 botol minyak wangi dihasilkan dan ruang pejabat kecil belakang rumah menjadi saksi pergelutan saya."

"Ketika itu memang saya tak ada cukup duit untuk menyewa bangunan pejabat. Ceburi perniagaan ini pun hanya bermodalkan RM15,000."

"Dari 600 berkembang sampai ribuan. Sekarang, SugarBomb mampu keluarkan satu hingga tiga juta unit dengan pelbagai rangkaian minyak wangi hingga ke penyeger udara dalam masa sebulan," katanya.

Kehadiran Zamir umpama melengkapi minat Boss A. Malah pada tahun 2020 fasa awal pandemik, Zamir bersama pasukan kerjanya memperkenalkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sendiri untuk jenama itu.

"2020 juga lonjakkan kami untuk agresif dalam skop pemasaran. Nama jenama itu juga semakin dikenali. Kami ada kilang dan R&D sendiri kerana mempunyai mesin bancuhan minyak wangi."

"Malah selepas kemasukan

pasukan kerja Zamir, rangkaian produk semakin bertambah. Dulu hanya ada minyak wangi dan penyeger udara. Sekarang, ada sanitasi tangan, penyeger fabrik, dan sebagainya."

"Kami mahu buktikan golongan bumiputera juga mampu memiliki kilang tiga ekar yang mampu mengeluarkan pelbagai produk wangian. Malah tahun ini juga kami membuka pintu untuk menghasilkan produk-produk yang seangkatan daripada jenama pesaing," katanya.

Hingga kini, jenama ini sudah mempunyai lebih 5,000 pengedar (agen dan stokis) aktif di seluruh Malaysia, Brunei dan Singapura.

LEBAR SAYAP KE INDONESIA

SATU pencapaian membanggakan bagi anak Malaysia, apabila wangian SugarBomb yang diasaskan Boss A baru-baru ini ke Surabaya, Indonesia menerima perhatian ramai termasuk warganet di sana.

Boss A bersama lima orang lagi wakil rombongan bagi memberi isyarat jenama berkenaan berusaha melebarkan sayap ke negara jiran itu. Ia termasuklah bayangan jenama berkenaan bakal



BOSS A (kanan) bertukar cenderahati dengan wakil pengurusan J99 Corp, Danang Dwi Yuanto.

membuka cawangan pertama di Surabaya tidak lama lagi sebagai membuktikan keinginan yang diingini bukan sekadar omongan kosong.

Memetik keterangan video dimuat naik di laman sosialnya, Boss A teruja menzahirkan ucapan terima kasih kepada pemilik syarikat pelbagai cabang perniagaan di Indonesia iaitu J99 Corp, Gilang Widya Pramana atau lebih dikenali dengan nama Juragan sebagai perintis jalan usaha dipanjangkan.

"Terima kasih team J99 Corp dan Mas Juragan kerana menerima kunjungan kami ke kilang mereka.

"Doakan kerjasama dua negara antara Malaysia dan Indonesia ini terjalin dan berjaya. Amin," tulisnya di Instagram dan TikTok. WK



Bantu kejayaan masa depan WiPers

Pendekatan sains sukan penting

DIANA AMIR

TEMASYA Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 yang melabuhkan tirai pada 24 September lalu menyaksikan kontinen Wilayah Persekutuan (WiPers) berada di kedudukan ketiga secara keseluruhan dengan kumpulan pingat 55 emas, 68 perak dan 64 gangsa.

Meskipun berada di tangga ketiga, namun menurut Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) merangkap Pengarah Operasi Kontinen Wilayah Persekutuan, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri, prestasi atlet yang beraksi di pentas SUKMA XX 2022 tetap berada di tahap yang terbaik.

"Prestasi atlet kita dalam keadaan baik tapi mungkin nasib tidak menyebelahi. Namun, untuk SUKMA akan datang, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian untuk memastikan



DR HASNUL

WiPers muncul juara keseluruhan. "Jika kita lihat, pendekatan sains sukan yang dilaksanakan secara komprehensif adalah amat penting dalam persediaan atlet kerana ia adalah antara punca kejayaan.

"Ia merangkumi pelbagai cabang yang perlu diberi perhatian lebih antaranya dari segi teknikal, sistem sokongan, peralatan, teknologi terkini dan sebagainya yang boleh membawa ke arah kecermerlangan," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Sebagai contoh, pemakanan atlet yang dijaga dengan teliti mengikut piawaian mampu memberi kesan maksima kepada atlet ketika sesi latihan dijalankan.

"Jadi, jelaslah di sini WiPers akan meneliti dengan lebih mendalam untuk memberi perhatian khusus kepada pendekatan sains sukan dalam usaha menjuarai SUKMA akan datang, *Insya-Allah*," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, selain



ATLET WiPers (depan) ketika majlis perasmian temasya SUKMA XX 2022 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia.

daripada itu, program pembangunan sukan juga akan diperkasa dengan lebih mendalam bagi memastikan atlet pelapis mampu menggalas tanggungjawab.

"Ini kerana program-program akar umbi amat penting untuk melahirkan atlet yang mampu bersaing. Ia tidak dapat dilahirkan dalam masa yang singkat dan memerlukan latihan lebih dari dua tahun.

"Dalam masa yang sama, WiPers juga memerlukan kompleks sukan berpusat bagi memudahkan sesi latihan kerana suasana yang kondusif secara tidak langsung memberi kesan kepada psikologi atlet seterusnya membolehkan mereka berlatih tanpa gangguan," ujar beliau.

Ditanya tentang persiapan SUKMA akan datang, Hasnul berkata pihaknya akan mengenal pasti

kelemahan serta acara sukan yang cemerlang dan seterusnya akan meneruskan program persiapan SUKMA 2024.

"Kita akan memulakannya secepat mungkin selepas sesi post mortem SUKMA XX 2022 yang akan diadakan dalam masa terdekat," ujar beliau mengakui pendekatan sains sukan secara menyeluruh memerlukan pelaburan yang tinggi. **WK**

Reaksi



Adam Aris
Jurulatih kanu

“**S**AYA tetap bersyukur dengan hasil yang atlet saya tunjukkan sepanjang SUKMA. Mereka dah buat yang terbaik untuk WiPers tetapi rezeki tidak menyebelahi kami dan mungkin usaha pasukan lain lebih baik. Untuk SUKMA 2024, perlu program pembangunan berterusan seperti program bakat untuk mencungkil lebih ramai atlet muda.”



Mohd Muizzuddin Sanip
Atlet boling padang



sudah tunjukkan prestasi yang terbaik. Tidak dinafikan pandemik COVID-19 membuatkan persiapan sedikit terganggu."

Siti Maryam Mohammad
Pegawai Perhubungan Badminton WiPers

**KARNIVAL KERJAYA
IDEA BINA NEGARA
ANAK MUDA
KELUARGA MALAYSIA**

4 OKT 2022
19 PAGI - 5 PETANG

UITM SHAH ALAM

MAJIKAN TERLIBAT:

- PROLINTAS
- GMAS
- TM ONE
- AEON
- ExxonMobil
- Alamflora
- 7 ELEVEN
- MYDIN
- 99 SPEEDMART
- MARii
- HABIB
- POS Aviation
- Panasonic
- FRONTRON
- nichicon
- MOMMY HANA
- Qwork
- LF LOGISTICS
- LOOB

DAFTAR SEKARANG >>

<https://bit.ly/KARNIVALIDEABINNEGARA>

MYFutureJobs

Aisha - 019 611 1752
Awatif - 019 612 2971

Mediana - 019 611 5629
Syatiqah - 019 287 5748

#KELUARGA MALAYSIA RAYA 2022

Muay thai sukan 'wajib' buat wanita

Rania bangga raih emas SUKMA 2022

SABRINA SABRE

RAMAI yang beranggapan sukan lasak muay thai hanya sesuai untuk kaum lelaki. Namun, atlet Wilayah Persekutuan, Puteri Rania Mahmoud berjaya membuktikan jantina bukanlah penghalang baginya menceburkan diri dalam sukan yang didominasi golongan Adam ini.

Baru berusia 19 tahun, anak jati Kuala Lumpur ini mahu membuktikan golongan wanita juga mampu beraksi menumpaskan lawan di gelanggang sekali gus melakar kejayaan di peringkat antarabangsa.

Membuktikan kehebatannya, gadis yang mesra disapa Rania ini merupakan pelapis sukan muay thai dan baru sahaja meraih pingat emas dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Alhamdulillah, saya berjaya



menempatkan diri di tangga teratas untuk beberapa kejohanan sebelum ini sejak bergiat aktif bermula tahun 2017. Terbaru, saya meraih pingat emas untuk kategori B 51-54 kilogram dalam SUKMA XX pada 21 September lalu. Ia merupakan satu pencapaian membanggakan.

"Biarpun kejohanan SUKMA ditunda sebelum ini, namun saya tetap menjalani latihan seperti biasa untuk memperbaiki diri sedikit demi sedikit kerana latihan yang konsisten amat diperlukan selain tidak ketinggalan menjalani latihan 15 pusingan menggunakan beg tinju bagi menambah kecerdasan fizikal dan mental," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Menepis perspektif segelintir masyarakat yang masih menganggap sukan muay thai ganas dan tidak sesuai dengan golongan wanita, baginya hal tersebut tidak tepat sama sekali.

Pencapaian Puteri Rania

2022 - SUKMA XX MSN - Emas

2022 - IFMA World Muay Thai Grand Slam - Emas

2022 - Kejohanan Muay Thai Remaja Terbuka Kebangsaan & Pra Sukma - Emas

2022 - Kejohanan Muay Thai Elit Senior Dan Junior Kebangsaan - Emas



RANIA (kiri) ketika bertemu lawan pada SUKMA XX 2022, baru-baru ini.



PUTERI RANIA

Menurut bekas pelajar Sekolah Menengah Bandar Baru Ampang ini, sukan tersebut dapat membantu mempertahankan diri seandainya berdepan dengan perkara yang tidak diingini.

"Ia seni mempertahankan diri yang perlu dipelajari. Wanita di luar sana juga wajib memiliki

pengetahuan serba sedikit sekurang-kurangnya peratusan untuk selamat apabila diserang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak tahu apa-apa," ujarnya.

Bercerita lanjut tentang penglibatannya, anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini menjadikan adiknya, Putra Abdullah Mahmoud sebagai idola dalam sukan

tersebut.

"Selain adik, saya turut mengidolakan kedua abang yang juga merupakan atlet dan pernah mewakili Malaysia ke kejohanan peringkat antarabangsa. Mereka adalah sumber kekuatan dan pembakar semangat untuk saya terus berjaya," ujar gadis kacukan Arab ini. WK

Bola jaring WiPers raih emas ke-8, hadiah terakhir Norizan

DIANA AMIR

KEJAYAAN skuad bola jaring Wilayah Persekutuan (WiPers) meraih emas pada SUKMA XX MSN 2022 baru-baru ini merupakan hadiah perpisahan yang bermakna buat jurulatih pasukan, Norizan Rajab.

Ia berikutan pengumuman Norizan yang mahu mengundurkan diri selepas tamat temasya tersebut sekali gus mengubah haluan sebagai penasihat pasukan.

Norizan yang mengendali pasukan tersebut sejak 2010 berjaya membantu WiPers mendominasi kejuaraan pada SUKMA 2010, 2011, 2013, 2018 dan yang terbaru, 2022.

"Ini merupakan kemenangan kali kelapan buat skuad bola jaring dan merupakan SUKMA kelima buat saya. Dengan kejayaan ini, saya rasa sudah tiba masanya untuk berehat. Walau bagaimanapun, saya yakin kita mempunyai barisan pemain yang bagus untuk menghadapi SUKMA 2024 nanti."

"Saya mungkin akan menjadi penasihat kepada pasukan selepas ini," ujarnya sejurus tamat perlawanan akhir menentang Pahang yang diadakan di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Mengulas tentang perlawanan akhir itu, Norizan berkata



SKUAD bola jaring WiPers ketika temasya SUKMA XX 2022 baru-baru ini.



NORIZAN

Wilayah Persekutuan membuktikan statusnya sebagai juara bertahan apabila menewaskan Pahang 63-51 dan permainan yang ditampilkan kedua-dua pasukan adalah seimbang dengan pembabitan atlet muda.

"Pahang merupakan pasukan yang sedang meningkat naik dan mempunyai proses pemilihan pemain dengan baik."

"Taktikal setiap suku permainan berubah mengikut keadaan dan juga pasukan lawan. Suku ketiga kita dapat lihat Pahang bangkit dan cuba mengejar mata kerana itu, di suku terakhir kita menggunakan taktikal berlainan untuk menjarakkan mata, ujarnya yang menafikan penglibatan beberapa atlet kebangsaan di dalam

skuadnya menjadi faktor utama kemenangan.

Tambahnya, barisan pemainnya pada hari ini merupakan hasil program pembangunan yang telah dilancarkan sejak empat ke lima tahun lalu.

"Bagi saya ia bukan faktor utama kerana apa yang penting setiap negeri telah melakukan program pembangunan mereka sendiri untuk jangka masa panjang dan inilah hasilnya."

"Saya harap semua negeri boleh mencungkil lebih banyak bakat baharu selepas ini dan SUKMA merupakan pentas terbaik untuk mencungkil bakat baharu bagi mewakili skuad kebangsaan," jelasnya.

Sebagai rekod, Wilayah Persekutuan pernah memenangi emas pada SUKMA 2000, 2004, 2006, 2010, 2011, 2013 dan 2018.

Kemenangan di SUKMA suntik semangat Adib

SELEPAS mengungguli acara pencak silat Kelas B 50-55 kilogram (kg) pada Sukan Malaysia (SUKMA) XX, atlet muda negara Muhammad Khairi Adib Azhar Abdullah beralih misi bagi memburu emas di Kejohanan Pencak Silat Dunia di Indonesia tahun hadapan.

Atlet berusia 20 tahun yang meraih emas di Sukan SEA Hanoi itu memasang impian menghadiahkan emas buat negara setelah hanya mampu menyumbang perak di kejohanan itu, Julai lepas.

Dia berkata kemenangan hari ini menjadi pembakar semangat buatnya untuk menggondol lebih banyak pingat pada masa akan datang.

"Dan saya turut pasang impian untuk dapatkan emas hatrik di Sukan SEA Kemboja tahun depan," katanya kepada *Bernama* selepas perlawanan di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Atlet yang menjadikan bapanya sebagai idola itu berkata

meskipun pernah menjuarai Sukan SEA, dia tidak mengambil mudah persaingan di SUKMA.

Dia yang mewakili kontinen Wilayah Persekutuan mengakui ia bukanlah sesuatu yang mudah, namun berbaloi dengan usaha yang dilakukannya sebelum ini.

"Saya memang bersusah payah nak turunkan berat badan, sebab saya dalam kategori kelas ringan, tapi masa latihan saya memang berusaha sebelum ini."

"Saya memang buat habis-habisanlah, saya fokus dan ingat apa yang jurulatih ajar," katanya.

Terdahulu, Muhammad Khairi Adib menampilkan aksi bertenaga menumpaskan lawannya dari Pulau Pinang, Mohamad Ridzuan Abdullah 49-6 untuk muncul juara.

Gangsa menjadi milik Muhammad Rafi'uddin Razali dari Johor dan Muhammad Afifi Nazri yang mewakili Terengganu. - BERNAMA



MUHAMMAD Khairi Adib mengungguli acara pencak silat Kelas B 50-55 kg pada SUKMA XX 2022 baru-baru ini.



Rania banggaraih emas
SUKMA 2022

► 23

DBKL larang aktiviti memancing sementara waktu

Pencemaran Tasik Metropolitan Kepong

AZLAN ZAMBY

AKTIVITI memancing di Taman Tasik Metropolitan Kepong dilarang berkuat kuasa serta-merta sehingga masa-lah pencemaran itu diatasi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata keputusan itu diambil susulan laporan perunding bebas yang dikendalikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendapati bahawa tasik itu tidak sesuai untuk memancing.

Beliau berkata sampel air yang dikumpul secara berkala di antara 1 Jun dan 31 Julai mendapati wujud bahan tercemar sehingga 10 kali ganda lebih banyak daripada yang sepatutnya berbanding di tasik yang sihat.

"Kami telah membatalkan pertandingan memancing dan tidak akan memberarkan sebarang aktiviti seperti itu di tasik ini sehingga ia dirawat."

"Terdapat bau busuk dari tasik terutama di kawasan cetek. Bau yang sangat busuk dan tidak menyenangkan," katanya dalam



SHAHIDAN (dua dari kiri) mendengar penerangan mengenai situasi pencemaran di Tasik Metropolitan Kepong ketika lawatannya pada Ahad.

sidang media selepas melawat tasik tersebut pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Dr Umi Ahmad dan Pengarah Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi DBKL, LAr. Zulkifli Endut.

Menjelas lanjut, Shahidan

berkata tindakan segera akan dilaksanakan berikutan keadaan agak kritis.

"Kami telah memutuskan untuk menggunakan sistem pengapungan udara terlarut, yang digunakan untuk menyelenggara Tasik Putrajaya," katanya sambil menambah bahawa mendapatkan mesin baru mungkin mengambil masa



SEORANG pekerja sedang membersihkan permukaan tasik secara manual bagi mengurangkan bau busuk.

sebulan.

"Oleh itu, kami mungkin perlu meminjam mesin yang digunakan di Putrajaya tetapi ia mungkin mengambil masa kira-kira dua minggu untuk sampai," katanya.

Dalam pada itu, Shahidan berkata DBKL memutuskan untuk menggunakan pam bagi mencipta aliran dalam tasik dan akan mengerahkan supaya kerja pembersihan pada permukaan air dilakukan secara manual

sebagai langkah segera untuk meminimumkan bau.

Beliau menambah bahawa mereka akan berhubung dengan Indah Water Konsortium dan agensi lain mengenai perkara itu.

Shahidan sebelum ini telah membatalkan pertandingan yang dirancang di sana pada Ahad sebelum melawat tasik itu selepas menerima aduan tentang keadaannya yang tercemar. **WK**

DBKL perkenal surau bergerak, mudahkan umat Islam sertai program di ibu kota

UMAT Islam yang menyertai program luar di sekitar ibu negara kini lebih mudah untuk menunaikan rukun Islam ketiga itu berikutan inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengubah suai satu unit pejabat bergeraknya sebagai surau bergerak.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata surau bergerak menggunakan lori 10 tan itu dilengkapi penghawa dingin dan kemudahan berwuduk

dengan tangki air 900 liter yang boleh menampung keperluan 600 jemaah.

"Pada bila-bila masa, surau bergerak ini boleh memuatkan 10 jemaah lelaki dan wanita dalam satu-satu masa manakala 20 jemaah lelaki lagi boleh ditempatkan di kawasan sebelah luar lori berikut ia turut dilengkapi dengan awning. Kemudahan ini akan memberi manfaat kepada pengunjung yang terlibat dalam program ad hoc

seperti maraton dan Sambutan Hari Kemerdekaan.

"Surau bergerak ini boleh diletakkan di kawasan yang ramai orang berkumpul seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman yang ditutup kepada kenderaan setiap Ahad," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Surau Bergerak pada Ahad.

Menjelas lanjut, Mahadi berkata surau bergerak itu turut dilengkapi dengan generator yang mampu ber-

tahan lebih 10 hingga 12 jam dan ia dikawal selia oleh dua pemandu yang akan menjalankan kerja-kerja susun atur awalan serta penentuan arah kiblat.

Pada majlis sama, Mahadi turut melancarkan kenderaan baharu yang digunakan oleh Skuad Penyelamat DBKL iaitu Kenderaan Tindak Balas Pantas (RRV) bagi memudahkan kerja-kerja kecemasan di sekitar bandar raya termasuklah bencana alam seperti pokok tum-

bang atau objek yang menghalang laluan awam, selain menangani haiwan liar dan berbisa seperti ular, lebah dan tebuan.

"DBKL sudah mempunyai persefahaman dengan agensi penyelamat lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sekiranya ia melibatkan ancaman haiwan berbisa dan tidak melibatkan nyawa, Skuad Penyelamat DBKL akan memberikan bantuan segera," ujarnya. **WK**



ADIPUTRA sedia untuk berkempen pada PRU 15.

Adi Putra sedia sertai BN untuk PRU15

DEEL ANJER

PELAKON filem Mat Kilau, Datuk Adi Putra dikatakan sudah bersedia menjadi jentera Pemuda Barisan Nasional (BN) dan berkempen ke setiap negeri menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Menurut Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, dia menerima kunjungan Adi yang turut menyatakan kesediaan untuk melapangkan masa bagi membantu BN.

"Adi Putra juga telah diangkat

menjadi ikon Pemuda BN Selangor.

"Beliau tak dapat bersama dalam Majlis Pelancaran Jentera Pemuda BN baru-baru ni kerana berada di Mekkah.

"Insya-Allah beliau bersedia lapangkan masa untuk bantu jentera Pemuda BN di negeri-negeri menjelang PRU-15 nanti," tulisnya di media sosial.

Beliau turut berkongsi dua keping gambar pertemuan bersama Adi Putra di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Salah satu foto yang menjadi

bualan netizen adalah gambar Adi menerima sehelai baju Pemuda BN.

Asyraf berkata selain mengenai politik, banyak perkara dibincangkan ketika perjumpaan berkenaan.

"Perkara dibincangkan termasuk cabaran mempelbagaikan pendekatan mencari nilai patriotisme dalam kalangan anak-anak muda masa kini.

"Hikmah meletupnya filem Mat Kilau, banyak membuka mata anak-anak muda untuk menelaah sejarah tanah air dengan penuh penghayatan," jelasnya. **WK**